



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

LAPORAN


TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN IYRES 2019





INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN IYRES 2019



© Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) 2020

IYRES merupakan sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan pelbagai penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujud dan melaksanakan program latihan berkaitan penyelidikan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.

KANDUNGAN

4

PERUTUSAN PENGERUSI

8

MAKLUMAT KORPORAT

- Pengenalan
- Fungsi
- Objektif
- Misi dan Visi
- Nilai Murni
- Punca Kuasa
- Falsafah Umum
- Terma Rujukan Kajian
- Piagam Integriti Penyelidikan
- Lembaga Pengarah
- Carta Korporat
- Carta Organisasi
- Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
- Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Sumber Tenaga Manusia
- Aktiviti-Aktiviti IYRES 2019

6

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

37

LAPORAN PRESTASI

- Prestasi Petunjuk Utama
- Penyelidikan
- Strategik & Inovasi
- Pengurusan Data
- Program Sokongan Penyelidikan
- Pengurusan Maklumat
- Perhubungan Awam
- Penerbitan
- Latihan & Kursus

91

LAPORAN KEWANGAN

Perutusan

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH IYRES

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,



Saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana sekali lagi berpeluang menjadi sebahagian daripada Ahli Lembaga Pengarah Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). Selama 14 tahun beroperasi, IYRES membuktikan bahawa kejayaan dapat dicapai dengan adanya kerjasama yang utuh, komited serta perancangan yang strategik. Seiring dengan perkembangan dunia digital dan Revolusi Industri 4.0, IYRES juga menyediakan Platform Hub Data Belia (Sistem Ydata, eMYInd, Profil Belia) sebagai salah satu inisiatif dalam menyebarluaskan dapatan kajian dan data-data berkaitan belia di Malaysia.

Saya mewakili Lembaga Pengarah IYRES ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan terhadap komitmen, keikhlasan dan prestasi yang ditunjukkan IYRES atas usaha mereka sepanjang tahun 2019 yang mana sejumlah 42 kajian, program dan aktiviti telah berjaya dilaksanakan. Antara kajian yang dilaksanakan IYRES adalah Kajian Penilaian Outcome Indeks Belia Malaysia 2019 (IBM'19), Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM'19), Kajian Indeks Belia Sarawak, Kajian Pusat Tahfiz di seluruh Malaysia, Kajian Pasca Pilihan Raya Umum Ke-14, Kajian Penilaian Program Keusahawanan Belia Bestari (B-Best), Kajian Penilaian Program Fit Malaysia 2019 dan Kajian Penambahbaikan Skim S, KBS. Saya pasti, bagi mencapai

“ Saya berharap menjelang 2020, IYRES melangkah ke dekad baru dengan iltizam untuk meneruskan kecemerlangannya sebagai *one-stop-center* data statistik belia yang bereputasi tinggi di peringkat nasional dan antarabangsa.

apa yang telah diperolehi oleh IYRES pada hari ini adalah tidak mudah. Kerjasama daripada pelbagai pihak sangat diperlukan bagi membantu merealisasi apa yang telah direncanakan.

IYRES kian mendapat perhatian bukan sahaja dalam kalangan Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan malah hasil kajian IYRES turut menjadi rujukan kepada semua pemegang taruh sama ada dalam dan juga luar negara. Saya dan Ahli Lembaga Pengarah akan sentiasa memberi sokongan kepada IYRES. Semoga IYRES terus menghasilkan kajian yang memberi impak terhadap pembangunan belia negara.

“ILMU . AMAL . IMPAK”

Sekian, wassalam.

**YBHG. DATUK DR. MARZUKI MOHAMAD
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH IYRES**

Perutusan

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF IYRES



Salam Sejahtera,

Sepanjang tahun 2019, IYRES telah berjaya melaksanakan beberapa aktiviti penyelidikan dan program sokongan penyelidikan yang berteraskan pembangunan belia dalam pelbagai aspek. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh kakitangan IYRES yang berdedikasi di atas usaha mereka merealisasikan penerbitan laporan ini yang merekodkan gerak kerja penyelidikan, program dan aktiviti sokongan penyelidikan IYRES sepanjang tahun 2019. Selari dengan dokumen Dasar Belia Malaysia 2015

yang tidak memingga mana-mana kelompok belia, kajian ke atas Institusi Tahfiz di Malaysia telah membuka dimensi baru kepada IYRES dalam memahami keperluan dan keupayaan belia-belia yang belajar dalam bidang tahfiz. Hasil kajian menunjukkan bahawa belia yang mengikuti aliran agama Islam ini berada pada tahap Cemerlang bagi Aset Dalaman dengan skor 85.6% dan 80.2% bagi Aset Luaran. Kajian ini turut melihat daripada perspektif pelbagai pihak lain seperti tenaga pengajar, pengurusan, alumni, waris pelajar serta JAKIM atau Majlis Agama Islam Negeri.

Selaku peneraju penyelidikan pembangunan belia di Malaysia, kajian bertaraf kebangsaan yang dilaksanakan secara berkala seperti Penilaian Outcome Indeks Belia Malaysia 2019 dan Indeks Budaya Sukan 2019 turut dilaksanakan dengan jayanya dalam misi mengukur keperluan pembangunan belia semasa dan dari aspek budaya sukan itu sendiri. Dapatkan kajian seperti ini dapat memandu pemegang taruh belia yang berkaitan dalam merangka dan melaksanakan aktiviti serta program yang bertepatan dengan keperluan dan kehendak belia setempat.

Ini menunjukkan bahawa IYRES sentiasa bersedia untuk meneroka cabang-cabang baru berkaitan belia. Menjadi sebuah institusi yang neutral dalam menyampaikan suara belia diperingkat akar umbi serta mendukung aspirasi kementerian secara seiringan merupakan amanah yang perlu dipikul oleh warga kerja IYRES.

Saya amat mengalu-alukan kolaborasi dari organisasi yang berminat untuk melakukan aktiviti penyelidikan dan seumpamanya bagi meningkatkan lagi kualiti dan kesejahteraan hidup belia di Malaysia. Melalui kerjasama ini dapat melonjakkan IYRES sebagai satu institusi yang berkepentingan dalam menyampaikan maklumat berkaitan belia.

“ILMU . AMAL . IMPAK”

Sekian, terima kasih.

**DR. VELLAPANDIAN PONNUSAMY
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF IYRES**



IYRES turut komited dalam menjayakan agenda pembangunan belia apabila menghasilkan Modul Profesional Kerja Belia berdasarkan piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

MAKLUMAT

Korporat

PENGENALAN

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) kini dikenali dengan IYRES merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan melalui Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668), Bahagian VII Perkara 55(1) yang bertindak sebagai pusat penyelidikan pembangunan belia kebangsaan. IYRES bertanggungjawab untuk menjalankan penyelidikan pembangunan belia, menganalisis isu-isu semasa berkaitan belia, menilai dan menyediakan input rujukan kepada pemegang taruh pembangunan belia.

FUNGSI

- 
- 01 Bertindak sebagai pusat penyelidikan pembangunan belia kebangsaan
 - 02 Mengumpul, mengurus dan menyebarkan maklumat dan menyelenggara rekod semua perkara berkaitan yang berhubung dengan pembangunan belia
 - 03 Menjalankan, memudahkan atau membiasai penyelidikan yang berkaitan dengan pembangunan belia
 - 04 Mengadakan perkhidmatan teknikal, nasihat, perundingan dan perkhidmatan yang berkaitan berkenaan dengan pembangunan belia
 - 05 Mewujudkan dan mengekalkan hubungan dan kerjasama dengan lain-lain institusi yang berkaitan di dalam dan luar Malaysia bagi tujuan mempertingkatkan pembangunan belia
 - 06 Menganalisis, menilai dan membuat syor mengenai aktiviti belia yang dianjurkan oleh pertubuhan belia, badan kerajaan, organisasi bukan kerajaan atau mana-mana organisasi sektor swasta yang lain
 - 07 Menjalankan program bercorak pendidikan dan kesedaran untuk menggalakkan pembangunan belia
 - 08 Untuk bekerjasama, menyelaras dan menyertai dalam program atau aktiviti pembangunan belia yang berkaitan dengan penyelidikan yang dianjurkan oleh organisasi kebangsaan atau antarabangsa
 - 09 Untuk melakukan apa-apa perkara lain yang didapati patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsi dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya

Objektif

Untuk memastikan maklumat yang sesuai dan mencukupi diperoleh bagi membantu kerajaan melaksanakan dasar-dasar pembangunan belia negara.

Untuk menjalankan dan menggalakkan penyelidikan dalam pelbagai aspek kehidupan sosial, ekonomi dan politik belia agar impaknya kepada generasi muda dapat dikenal pasti.

Membantu kerajaan untuk mengenal pasti dan mengambil tindak balas kepada kekurangan dan duplikasi dalam perkhidmatan kepada generasi muda yang timbul daripada pelbagai latar belakang dan keadaan.

Bekerjasama dengan pusat penyelidikan tempatan dan antarabangsa untuk memanfaatkan hasil penyelidikan dan pengembangan sumber sedia ada.

Untuk menyebarkan maklumat kepada pihak awam mengenai generasi muda melalui penyelidikan dan penerbitan yang berkualiti dan bertepatan dengan masa.

Mengurus penyelidikan yang berkaitan dengan pembangunan belia.

VISI

Menjadi institusi penyelidikan dan pusat rujukan utama pembangunan belia.

Menghasilkan dapatan penyelidikan sebagai asas menjana pembangunan belia.

MISI

NILAI MURNI

Intelektual berdasarkan belia, penyelidikan, kajian empirical dan perkongsian ilmu.

PUNCA KUASA

- Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668)
- Dasar Belia Malaysia (DBM)
- Pekeliling Perbendaharaan Malaysia
- Pekeliling Perkhidmatan Kerajaan Malaysia

FALSAFAH UMUM

- Menerajui penyelidikan berteraskan pembangunan belia
- Menggembungkan tenaga dan kepakaran bagi menghasilkan penyelidikan mengenai belia secara holistic
- Menyebarluaskan hasil penyelidikan kepada pemegang taruh

TERMA RUJUKAN KAJIAN

- Menjadi rujukan pembangunan belia di pelbagai peringkat
- Memberi impak kepada pembangunan belia Malaysia
- Menyumbang kepada penggubalan polisi dan dasar kerajaan
- Pengukur kesejahteraan belia Malaysia
- Mewakili populasi belia Malaysia
- Isu-isu utama dalam kalangan belia Malaysia


PIAGAM INTEGRITI PENYELIDIKAN

- Berintegriti dan mematuhi etika penyelidikan perancangan
- Berlandaskan undang-undang dan berakauntabiliti
- Tidak memihak kepada mana-mana pihak
- Keutamaan kepada pembangunan belia dan masyarakat
- Mematuhi peraturan, dasar, prosedur dan ISO pengurusan kewangan dengan telus dan bertanggungjawab
- Perancangan dan pelaksanaan berlandaskan kepada keperluan penyelidikan

LEMBAGA PENGARAH



Carta KORPORAT



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

CAWANGAN SOKONGAN PENYELIDIKAN

UNIT PERHUBUNGAN AWAM

UNIT SUMBER MANUSIA

UNIT PENERBITAN
DAN
DOKUMENTASI


UNIT
PENGURUSAN

UNIT PROGRAM

UNIT KEWANGAN
DAN PEROLEHAN

UNIT TEKNOLOGI
MAKLUMAT

Carta Organisasi



PEJABAT KETUA PENGARAH EKSEKUTIF

DR. VELLAPANDIAN PONNUSAMY
Ketua Pegawai Eksekutif Gred Jusa C

SHELAWATI BAHARUDDIN
Setiausaha Pejabat Gred N29

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

ZUARINI JUMAI

Pengurus Bahagian Khidmat Pengurusan Gred S48

UNIT PERHUBUNGAN AWAM

UNIT SUMBER MANUSIA

UNIT PENGURUSAN

UNIT KEWANGAN DAN PEROLEHAN

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

UNIT STANDARD

SHAM ROMNIZAM RAMLI
EKSEKUTIF PENYELIDIK GRED S41

SITI NUR HIDAYAH ISMAIL

EKSEKUTIF PERHUBUNGAN AWAM GRED S41

MUHAMMAD HADI MUHAMMAD NAFIS
Penolong Eksekutif Perhubungan Awam Gred S29

CAWANGAN SOKONGAN PENYELIDIKAN

SHARRIFFAH MAMAT
EKSEKUTIF PENYELIDIK KANAN GRED S44/S41

UNIT PENERBITAN DAN DOKUMENTASI

NUR AQLAH SYAZWANI MOHD NOR
EKSEKUTIF PENYELIDIK GRED S41

UNIT PROGRAM

MUHAMMAD AZAMUDDIN HJ HASHIM
Penolong Eksekutif Penyelidik Gred S29

NUR DIYANA NADIRAH MOHD HADI

EKSEKUTIF SUMBER MANUSIA GRED S41

RAJA SHAHIDA RAJA HASSAN

Penolong Eksekutif Khidmat Pengurusan Kanan Gred S32 (KUP)

NURITA FAZIRA RAHIM
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19

NOOR'AYU SHARIF
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19

ARIFFIN ABD RAHMAN
Pembantu Operasi Gred N11

MOHD NOOR SHAM CHE MAT
Pemandu Gred H11

MOHD FARIUS BUJANG
Penolong Eksekutif Kanan (Kewangan) Gred S32 (KUP)

MUHAMMAD RIDZUAN MOHD ROHANI
Penolong Eksekutif Teknologi Maklumat Gred S29

MOHAMAD SABRIE HAZIZAN
Penolong Eksekutif Teknologi Maklumat Gred FA29

SARTINA SAFIAN
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19

MOHD NOR AZAM KAMARUDIN
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19

ALIA AZIZ
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19

**PEJABAT KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIF**



**DR. VELLAPANDIAN
PONNUSAMY**

Ketua Pegawai Eksekutif



**SHELAWATI
BAHARUDDIN**

Setiausaha Pejabat

**BAHAGIAN PERANCANGAN
DAN PENYELIDIKAN**



TS. SYARIFFANOR HISHAM

Pengurus Bahagian Perancangan
dan Penyelidikan

CAWANGAN PENYELIDIKAN



SHAHHANIM YAHYA
Eksekutif Penyelidik
Kanan



ASNIDA ABD. HAMID
Eksekutif Penyelidik



**FARHAN MAT
ARISAH**
Eksekutif Penyelidik



**ROZAHIDAH
ROSLEE**
Eksekutif Penyelidik



**MOHAMAD SAIFFUL
HASSAN**
Penolong
Eksekutif Penyelidik



**MUHAMMAD AZEEM
ABD. AZIZ**
Penolong
Eksekutif Penyelidik

CAWANGAN STRATEGIK DAN INOVASI



**NUURUL MIZAAN
YA'COB**
Eksekutif Penyelidik
Kanan



NORATI'QAH TALIB
Eksekutif Penyelidik



NORHIDAYAH OMAR
Eksekutif Penyelidik



**SITI SHAZWANI
MD YUSOOF**
Eksekutif Penyelidik



**MUHAMMAD HAFIZ
HASSAN**
Penolong
Eksekutif Penyelidik



**NOOR SHEILA
MHD. NASIR**
Penolong
Eksekutif Penyelidik

CAWANGAN PENGURUSAN DATA BELIA



**MASTURA
MOHAMAD**
Eksekutif Penyelidik
Kanan



**MOHD. RIZAL
MOHD. SHAM**
Eksekutif Penyelidik



**SHAH ROMNIZAM
RAMLI**
Eksekutif Penyelidik



**NORLYANA AHMAD
HISHAM**
Penolong Eksekutif
Penyelidik



**NUR AZIN AZLINA
RAZALI**
Penolong
Eksekutif Penyelidik



**WAN SURIANI WAN
JAMAL**
Penolong
Eksekutif Penyelidik

CAWANGAN SOKONGAN PENYELIDIKAN



SHARIFFAH MAMAT
Eksekutif Penyelidik
Kanan



**NUR AQILAH
SYAZWANI
MOHD NOR**
Eksekutif Penyelidik



**MUHAMMAD
AZAMUDDIN
H.J. HASHIM**
Penolong Eksekutif
Penyelidik

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



ZUARINI JUMAI

Pengurus Bahagian Khidmat Pengurusan



NUR DIYANA NADIRAH MOHD. HADI

Eksekutif Sumber Manusia



NOOR AFIFAH JOHARI

Eksekutif Teknologi Maklumat



RAJA SHAHIDA RAJA HASSAN

Penolong Eksekutif Khidmat Pengurusan Kanan



MOHD. FARIUS BUJANG

Penolong Eksekutif Kanan (Kewangan)



MUHAMMAD RIDZUAN MOHD. ROHANI

Penolong Eksekutif Teknologi Maklumat



MOHD SABRIE HAZIZAN

Penolong Eksekutif Teknologi Maklumat



NURITA FARIZA RAHIM

Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)



NOOR'AYU SHARIF

Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)



SARTINA SAFIAN

Pembantu Tadbir
(Perkeranian dan
Operasi)



**MOHD NOR AZAM
KAMARUDIN**

Pembantu Tadbir
(Perkeranian dan
Operasi)



ALIA AZIZ

Pembantu Tadbir
(Perkeranian dan
Operasi)



**ARIFFIN ABD
RAHMAN**

Pembantu Operasi



**MOHD NOOR SHAM
CHE MAT**

Pemandu

UNIT PERHUBUNGAN AWAM



**SITI NUR HIDAYAH
ISMAYL**

Eksekutif Perhubungan
Awam



**MUHAMMAD HADI
MUHAMMAD NAFIS**

Penolong Eksekutif
Perhubungan Awam

SUMBER TENAGA MANUSIA

Sehingga Disember 2019, kedudukan perjawatan IYRES adalah seramai 40 orang. Daripada jumlah tersebut, pengisian jawatan tetap adalah seramai 25 orang. Manakala seramai 15 orang adalah terdiri daripada staf kontrak yang turut berperanan sebagai tunggak utama dalam menggerakkan fungsi dan peranan IYRES. Perincian sumber manusia IYRES adalah seperti di Jadual 1.0.

Jadual 1.0

| KUMPULAN JAWATAN/KATEGORI JAWATAN | TETAP | PINJAMAN | KONTRAK | JUMLAH |
|-----------------------------------|-----------|----------|-----------|-----------|
| Pengurusan dan Profesional | 11 | 3 | 5 | 19 |
| Sokongan dan Pelaksana | 11 | 0 | 10 | 21 |
| JUMLAH | 22 | 3 | 15 | 40 |

Aktiviti-Aktiviti IYRES 2019

JANUARI

2 JAN 2019:

Sesi Akujanji Kakitangan IYRES

7-11 JAN 2019:

Bengkel Penulisan *National Occupational Skill Standard (NOSS) Profesional Kerja Belia*

8 JAN 2019:

Kunjung Hormat *Communications And Multimedia Forum Of Malaysia*

11 JAN 2019:

Bengkel Semakan Manuskrip Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018

11 JAN 2019:

Sesi Perkongsian Sumber Manusia

14 JAN 2019:

Mesyuarat Kick Off Portal Dan Ydata

15, 18, 22 JAN 2019:

Sesi *Focus Group Discussion (FGD)* Kajian Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Belia Dan Sukan Melibatkan Pegawai Belia Dan Sukan S54

16 JAN 2019:

Training of Trainers (TOT) Pengkodan Data Indeks Belia Negeri Sarawak

23 JAN 2019:

Perhimpunan Mesra Bulanan IYRES

25 JAN 2019:

Sesi Perbincangan Analisa Data Mycorps Bagi Pembentukan Model Analisis Data Raya



FEBRUARI

11 FEB 2019:

Sesi Pembentangan Laporan Kajian Indeks Budaya Sukan 2018 Kepada Yb Menteri

12 FEB 2019:

Focus Group Discussion Kajian Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Belia Dan Sukan Melibatkan Pegawai Belia Dan Sukan

15 FEB 2019:

Sesi Perbincangan Bersama Pejabat Pesuruhjaya Sukan

18 FEB 2019:

Kursus Pemantapan Penulisan Kertas Kerja, Artikel Dan Pelaporan Kajian IYRES

20 FEB 2019:

Kursus Penulisan Dan Penyediaan Laporan



21 & 22 FEB 2019: Bengkel Analisis Data Dan Penulisan Laporan Kajian Ekspektasi Vs Realiti Pilihan Raya Umum 2018 (Pru Ke-14) : Pandangan Rakyat Malaysia

25 FEB 2019:

Indeks Belia Negeri Sarawak

25 FEB 2019:

Sesi Taklimat IYRES Kepada KSU KBS

28 FEB 2019:

Pelancaran Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018



MAC

1-2 MAC 2019:

Kursus Pemantapan Organisasi IYRES
2019

7 MAC 2019:

Bengkel Penulisan *National Occupational Skill Standard (NOSS)* Profesional Kerja Belia

14 MAC 2019:

Persidangan Meja Bulat Penglibatan Belia Dalam Sektor Korporat Belia

15 MAC 2019:

Sesi Bertemu Lembaga Pengarah IYRES

18 MAC 2019:

Sesi Perkongsian Sumber Manusia Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kajian Indeks Budaya Sukan 2019 (IBSM'19) Bil. 1/2019



19 MAC 2019:

Sesi *Focus Group Discussion (FGD)* Kajian Penambahbaikan Skim S Bersama Ketua Pengarah JBSN

21 MAC 2019:

Mesyuarat Jawatankuasa Technical Working Group (TWG) #Myindeksbelia

27 & 28 MAC 2019:

Pra Technical Working Group (TWG)



APRIL

4 & 5 APR 2019:

Pelancaran Sistem E-Myind Dan Bengkel
Technical Working Group (TWG)
#Myindexbelia 4.0

9 APR 2019:

Taklimat *Training of Trainers Indeks Budaya Sukan Bagi Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya Dan Kuala Lumpur*

10 APR 2019:

Sesi Kunjung Hormat Daripada Universiti Putra Malaysia (UPM)

12 APR 2019:

Perhimpunan Mesra Bulanan IYRES

15 APR 2019:

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Sistem Ydata@IYRES Peringkat KBS Bil. 1/2019

18 APR 2019:

Kunjung Hormat Taylors University

23 APR 2019:

Kunjung Hormat Amanie Group

23 APR 2019:

Speaker Corner Caknakah Anda Mengenai Disleksia

25 APR 2019:

Bengkel Penulisan Bahan Pengajaran Bertulis (WIM) Kerja Belia



| | |
|--|--|
| 3 MEI 2019: Mesyuarat Penyelarasan Sistem Ydata@IYRES Peringkat Kementerian Bil. 1/2019 | 15 MEI 2019: Sambutan Hari Belia Negara Di Dectar, UKM |
| 3 MEI 2019: Perjumpaan Think Tank IYRES | 17 MEI 2019: Sesi Perkongsian Bertajuk Ramadhan |
| 7 MEI 2019: Bengkel Pemurnian Instrumen Kajian Penilaian <i>Outcome Indeks Belia Malaysia (IBM'19)</i> | 21 MEI 2019: Pembentangan Laporan Draf Akhir Mengenai Tahap Kualiti Dan Kesejahteraan Hidup Belia Sarawak Kuching Sarawak |
| 10 MEI 2019: Sesi Perkongsian Bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 31 MEI 2019: Travelog Ilmu Siri 1 Jom Raya |



JUN

14 JUN 2019:

Mesyuarat Kick Off Projek Rintis Data Raya KBS

25 JUN 2019:

Majlis Hari Raya IYRES

17, 18, 19 JUN 2019:

Promosi IYRES Di Radio Nasional Fm

25 JUN 2019:

Mesyuarat Lembaga Pengarah IYRES Bil. 2/2019

19 JUN 2019:

Pemantauan Program *Malaysian Future Leaders School (MFLS)* Di Kuala Lipis Pahang

27 JUN 2019:

Sesi Kunjung Hormat Kementerian Belia Dan Sukan Bangladesh Ke IYRES

20 JUN 2019:

Penilaian Program *Fit Malaysia 2019*

28 JUN 2019:

Sesi Perkongsian Taklimat Skim Ex-Gratia Bencana Kerja



JULAI

5 JUL 2019:

Perhimpunan Mesra Bulanan IYRES

5 JUL 2019:

Training of Trainers (TOT) Indeks Belia Malaysia

8 JUL 2019:

Training of Trainers (TOT) Kajian Penilaian Outcome Indeks Belia Malaysia 2019 (IBM'19) Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



12 JUL 2019:

Pelaksanaan Bengkel Penulisan Laporan Akhir Kajian Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Belia Dan Sukan

18 JUL 2019:

Pengumpulan Data Penilaian Program Fit Malaysia 2019 Peringkat Negeri Pulau Pinang

26 JUL 2019:

Travelog Ilmu Siri 2/2019 Rasuah Jangan Sampai Terjerat



OGOS

2 OGS 2019:

Sesi Perkongsian Bersama Cuepacs Care

19 OGS 2019:

Sesi Pengumpulan Data Bagi Kajian Penilaian Program Keusahawanan Belia Bestari B-Best Bagi Zon Timu

22 OGS 2019:

Bengkel Celik Data Belia Siri 1

26 OGS 2019:

Sesi Temubual Menerusi Slot Tetamu *My Anti-Corruption Channel* (MACCFM)

28 OGS 2019:

Sesi Bual Bicara Pagi Nine 11 Terbitan Bernama *News Channel*



SEPTEMBER

2 SEP 2019:

Penilaian Pre Bagi Kajian Penilaian Program Keusahawanan Belia Bestari (B-Best)

3 SEP 2019:

Pembentangan Cadangan Kajian Indeks Belia Selangor Kepada YB Tuan Mohd Khairuddin Othman, Exco Pembangunan Generasi Muda & Sukan Dan Pembangunan Modal Insan

11 & 12 SEP 2019:

Bengkel Penulisan Bahan Bertulis (WIM) Siri iii

11 & 12 SEP 2019:

Taklimat Pengkodan Data Indeks Belia Malaysia 2019

17 SEP 2019:

Bengkel Indeks Budaya Sukan

17 SEP 2019:

Kunjungan Delegasi Indonesia Ke IYRES

19 & 20 SEP 2019:

Kursus Etika Kerja Dan Keterampilan Diri

26 SEP 2019:

Persidangan Meja Bulat Belia: Had Umur Belia Transisi Dan Pelaksanaan

27 SEP 2019:

Mesyuarat Akhir Persiapan Seminar Penyelidikan belia Kebangsaan (YOURS19)

28 SEP 2019:

Program *Breakfast Talk* Anjuran Puspanita KBS Dan IYRES



OKTOBER

1 OKT 2019:

Lawatan Kerja LPPKN Ke IYRES

7 & 8 OKT 2019:

Seminar Penyelidikan belia Kebangsaan (YOURS19)

20 OKT 2019:

Sesi Pelaksanaan Bengkel Pemantapan *Iyres Community Enumerator* (ICE)

22 & 23 OKT 2019:

Bengkel Penyediaan Fact And Figures, Dan Penulisan Laporan Indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM19)

22 OKT 2019:

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Sistem Ydata@IYRES Peringkat KBS Bil. 2/2019

24 OKT 2019:


Mesyuarat Jawatankuasa *Think Tank* Bil. 2/2019 Dan Bengkel Pemantapan Kualiti Penyelidikan

27 OKT 2019:

Pelaksanaan Bengkel Pemantapan *Iyres Community Enumerator* (ICE) Zon Utara

30 OKT 2019:

Sesi Perbincangan Pelaksanaan Kajian Indeks Belia Sabah Siri 2



NOVEMBER

4 NOV 2019:

Perhimpunan Mesra Bulanan IYRES

5-7 NOV 2019:

Bengkel Pemurniaan Laporan Dan *Fact & Figures* Budaya Sukan Malaysia 2019

5 NOV 2019:

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Sistem Ydata@IYRES Peringkat Kementerian Bil. 2/2019

10 NOV 2019:

Bengkel Siri ii Data Sains & Data Analitik (*Modeling*) Projek Rintis Data Raya Kementerian Belia Dan Sukan

11 NOV 2019:

Perbincangan Bersama *United Nation Children's Fund* (UNICEF)

11 NOV 2019:

Sesi Kunjung Hormat Ke Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA)

12 NOV 2019:

Mesyuarat Teknikal Kajian *Outcome Indeks Belia Malaysia* Bil. 2/2019

13 NOV 2019:

Bengkel Penulisan Bahan Pengajaran Bertulis (WIM) Kerja Belia

19 NOV 2019:

Persidangan Meja Bulat Pemerksaan Wanita Dalam Sukan Di Malaysia

20 NOV 2019:

Sesi Perbincangan Wim Kerja Belia Tahap iii

25 NOV 2019:

Bengkel Hala Tuju IYRES 2020

25 NOV 2019:

Pembentangan Laporan Akhir Kajian Indeks Belia Sarawak

28 & 29 NOV 2019:

Bengkel Sistem E-Myind



DISEMBER

2-4 DIS 2019:

Kursus Microsoft Powerpoint Dan Excel
Untuk Klinikan IYRES

7 DIS 2019:

Hari Belia Peringkat Negeri Sarawak

9 DIS 2019:

Kunjung Hormat Dewan Bahasa Pustaka

10 DIS 2019:

Kunjung Hormat Majlis Agama Islam
Selangor



12 DIS 2019:

Mesyuarat Data Raya

17 DIS 2019:

Kejohanan Bowling Santai Anjuran IYRES
Dan ADAMAS

17 DIS 2019:

Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan
Kurikulum Dan Penilaian Bahan
Pengajaran Bertulis (WIM) Kerja Belia
Tahap 3 Dan 5

18 DIS 2019:

Mesyuarat Mesyuarat Jawatankuasa
Pengesahan Kurikulum Dan Penilaian
Bahan Pengajaran Bertulis (WIM) Kerja
Belia Tahap 4



LAPORAN PRESTASI



KEY PRESTASI PETUNJUK UTAMA (KPI)

PENCAPAIAN KPI
(SEHINGGA 31 DISEMBER 2019)

| | BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN | | | | | |
|--------------------------------------|---------------------------------------|-----------------|-------------------|-----------------------|------------------------|------------------|
| | SASARAN 2019 | TAMBAHAN KPI | KPI DIGUGURKAN | BELUM DILAKSANAKAN | SEDANG DILAKSANAKAN | TELAH SELESAI |
| Cawangan Penyelidikan | 11 | - | 6 | - | 4 | 1 |
| Cawangan Strategik Dan Inovasi | 16 | - | 1 | - | 5 | 10 |
| Cawangan Pengurusan Data | 8 | - | 3 | - | - | 5 |
| Cawangan Sokongan Penyelidikan | 8 | 1 | - | - | 1 | 7 |
| JUMLAH | 43 | 1 | 10 | - | 10 | 23 |
| | | | | | | 33 |

| | SASARAN 2019 | TAMBAHAN KPI | KPI DIGUGURKAN | BELUM DILAKUKAN | SEDANG DILAKUKAN | TELAH SELESAI | JUMLAH YANG DILAKUKAN |
|------------------------------------|-----------------|-----------------|-------------------|--------------------|---------------------|------------------|--------------------------|
| BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN | | | | | | | |
| Unit Sumber Manusia | 8 | - | 1 | - | 3 | 4 | 7 |
| Unit Pengurusan | 4 | - | - | 4 | - | - | 4 |
| Unit Kewangan dan Perolehan | 5 | - | - | 2 | 3 | 7 | 5 |
| JUMLAH | 26 | - | 1 | 11 | 14 | 25 | |
| Unit Perhubungan Awam | 8 | - | 1 | - | - | 7 | 7 |
| JUMLAH | 8 | - | 1 | 12 | - | 21 | 44 |
| JUMLAH | 77 | 1 | 12 | - | - | 21 | 65 |

PENYELIDIKAN

I Kajian Ke Atas Institusi Pengajian Tahfiz Di Malaysia

1

- **Jangka Masa Pelaksanaan:** Januari - Disember 2019
- **Responden Kajian:** Pelajar / Tenaga pengajar / Kumpulan pengurusan / pengasas / Alumni / Waris pelajar / JAKIM / Majlis / Agama Islam / Negeri / Mufti
- **Metodologi:**
 - a. Kuantitatif: Borang soal selidik
 - b. Kualitatif: Protokol *Focus Group Discussion* (FGD)
- **Lokasi kajian:** Enam zon di Malaysia iaitu:
 1. Utara
 2. Selatan
 3. Timur
 4. Barat
 5. Sabah; dan
 6. Sarawak

RUMUSAN / RINGKASAN

- A** Pencapaian skor asset pelajar di Institusi Pengajian Tahfiz berada pada tahap cemerlang bagi kedua-dua asset dalaman dan luaran serta mencatatkan nilai skor yang tinggi iaitu 80.2% bagi asset luaran dan 85.6% bagi asset dalaman.
- B** Bagi dapatan mengenai pelajar, mereka didapati memilih untuk belajar di Institusi Pengajian Tahfiz adalah kerana kehendak sendiri dan bukan paksaan.
- C** Bagi tenaga pengajar pula, didapati majoriti adalah lepasan Institusi Pengajian Tahfiz, mempunyai sijil tahfiz serta memilih untuk mengajar di Institusi Pengajian Tahfiz atas pilihan sendiri bagi menyampaikan ilmu.

- D** Majoriti tenaga pengajar memperoleh antara RM1,000.00 hingga RM1,500.00 sebulan dan pelbagai bentuk insentif lain yang diterima adalah seperti kemudahan tempat tinggal, cuti tahunan, bekalan makanan asas serta kursus dan latihan.
- E** Majoriti waris pelajar berumur antara 40 hingga 49 tahun dan alumni berumur antara 30 hingga 34 tahun.
- F** Waris pelajar menghantar anak ke Institusi Pengajian Tahfiz adalah kerana tuntutan agama serta pilihan anak mereka sendiri, manakala faktor pemilihan Institusi Pengajian Tahfiz tersebut adalah disebabkan lokasi, tenaga pengajar dan yuran yang dikenakan.
- G** Majoriti alumni melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan antara bidang pengajian yang diikuti adalah Al-Quran, Tahfiz serta Pengajian Islam.
- H** Dapatan daripada data kualitatif pula menunjukkan persamaan tema antara Mufti dan Majlis/Jabatan/Yayasan Agama Islam Negeri berkaitan tadbir urus iaitu;
- i) Pengurusan Institusi Tahfiz; dan
 - ii) Pengetahuan Mengenai Undang-Undang berkaitan Institusi Pengajian Tahfiz.

Outcome/Syor:

PELAJAR

- A** Penyerahan potensi diri pelajar di institusi pengajian tahfiz dalam bidang Al-Quran; dan
- B** Mempersiapkan diri dengan nilai tambah seperti prestasi cemerlang dalam bidang akademik bagi meningkatkan daya saing.

TENAGA PENGAJAR

- A** Mendapatkan latihan dan kursus secara berkala bagi meningkatkan kemahiran tadbir urus sekolah dan pengajaran;
- B** Disarankan untuk meningkatkan kompetensi pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam bidang hafazan dan tajwid yang merupakan fokus utama Institusi Pengajian Tahfiz;
- C** Mempertingkatkan kecekapan dalam bidang lain seperti akademik, kemahiran insaniah dan juga kemahiran bidang lain; dan

- D** Memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sekurang-kurangnya Tahap Tiga dalam bidang kemahiran yang bersesuaian dengan imej pelajar Tahfiz untuk membolehkan mereka mendapat penyalarasen gaji dan faedah lain seperti guru-guru di sekolah kebangsaan dan sebagainya.

PENTADBIR

- A** Mengurus kewangan institusi dengan lebih efisien serta menambahbaik sistem keselamatan Institusi Pengajian Tahfiz termasuklah membaiki kemudahan sedia ada untuk meningkatkan keselesaan pelajar;
- B** Memperkemas sistem pengurusan sumber manusia terutamanya yang melibatkan tenaga pengajar seperti memberi latihan dan kursus, menetapkan gaji minima, membuka peluang untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi, menetapkan syarat minimum pengambilan tenaga pengajar tempatan serta membuat tapisan tenaga pengajar dari luar dengan syarat-syarat dan peraturan berkaitan bidang tugas tenaga pengajar dalam bidang Institusi Pengajian Tahfiz di Malaysia; dan
- C** Membuat perakuan kepada tenaga pengajarnya bagi memastikan jaminan kerja mereka.

KERAJAAN

- A** Memberi sokongan terutamanya dalam aspek peruntukan dan kewangan kepada Institusi Pengajian Tahfiz untuk lebih berkembang dengan baik dan dapat diuruskan dengan lebih efisien;
- B** Diwujudkan tahap persijilan dan pengiktirafan yang boleh diterima pakai oleh semua pihak bagi meningkatkan peluang kebolehpasaran graduan lepasan Institusi Pengajian Tahfiz ini selepas menamatkan pengajian; dan
- C** Menetapkan gaji minima kepada tenaga pengajar agar tenaga pengajar lebih bermotivasi dan dapat mendidik dengan komited serta berupaya meningkatkan kompetensi dalam bidang pengajian hafazan Al-Quran ini.

Kajian Indeks Belia Sarawak Fasa II

2

- **Jangka Masa Pelaksanaan:** Januari – Julai 2019
- **Responden Kajian:** Warganegara Malaysia, belia Sarawak yang berumur antara 15 – 30 tahun
- **Metodologi:** Kuantitatif: Borang soal selidik
- **Lokasi kajian:** 12 bahagian dan 31 daerah di Sarawak

RUMUSAN / RINGKASAN

DAPATAN:

- A** Secara keseluruhannya, pencapaian tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia Sarawak berada di tahap “Sederhana” dengan pencapaian nilai skor 70.62;
- B** Sebanyak tiga domain berada pada tahap Memuaskan iaitu Hubungan Sosial dengan nilai skor 79.99, Bebas Tingkahlaku Devian dengan nilai skor 77.87 dan Kesihatan dengan nilai skor 75.13; dan
- C** Tiga domain terendah melibatkan Sosialisasi Politik dengan nilai skor 57.56, Aktiviti Waktu Senggang dengan nilai skor 57.0 dan Ekonomi dengan nilai skor 56.34.

Outcome/Syor:

- A** Ketiga-tiga domain yang berada pada tahap Memuaskan iaitu Hubungan sosial, Bebas Tingkahlaku Devian dan Kesihatan mempunyai ruang penambahbaikan bagi meningkatkan kebolehupayaan belia bagi meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup belia Sarawak;
- B** Pemegang taruh pembangunan belia Negeri Sarawak sewajarnya merangka program dan inisiatif bagi meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup belia Sarawak melalui strategi bersepadan merentas pelaksana yang melibatkan pelbagai kementerian, agensi, swasta, korporat dan *Non Government Organization* (NGO);

- C** Inisiatif secara bersepada dan efisien perlu digembeleng bagi memastikan sosialisasi politik dapat ditingkatkan melalui penglibatan belia di peringkat penggubalan polisi dan pembuatan keputusan berkaitan penyerahan potensi serta meningkatkan kebolehupayaan belia Sarawak;
- D** Pembangunan ekonomi belia berupaya untuk ditingkatkan dengan merangka pembangunan ekonomi belia secara kolaboratif antara pemegang taruh terutamanya bagi meningkatkan peluang ekonomi belia negeri Sarawak melalui sinergi antara pelbagai sektor bagi meningkatkan kebolehpekerjaan atau peluang pekerjaan dan penggajian belia negeri Sarawak; dan
- E** Bagi menggalakkan penglibatan yang baik dalam kalangan belia di Negeri Sarawak pada waktu senggang, pelbagai inisiatif merentasi pelaksana dan agensi/ kementerian berdasarkan keperluan dan kepentingan belia Sarawak amat wajar untuk dilaksanakan terutamanya melalui aktiviti sukan, persatuan dan lain-lain bagi menyerlahkan potensi belia Sarawak.

Kajian Penilaian *Outcome* Indeks Belia Malaysia 2019 (IBM'19)

3

- **Jangka Masa Pelaksanaan:** Januari - Disember 2019
- **Responden Kajian:** Warganegara Malaysia, belia Sarawak yang berumur antara 15 – 30 tahun
- **Metodologi:** Kuantitatif: Borang soal selidik
- **Lokasi kajian:** Seluruh Malaysia

RUMUSAN / RINGKASAN

DAPATAN:

- A** Dapatan kajian ini pada tahun 2019 juga menunjukkan, daripada 12 domain yang diukur, sebanyak enam domain menunjukkan peningkatan nilai skor berbanding tahun sebelumnya (2017) iaitu Domain Pembangunan Kendiri meningkat sebanyak 1.2 daripada 72.19 pada tahun 2017 kepada 73.39 pada tahun 2019;
- B** Dapatan kajian ini pada tahun 2019 juga menunjukkan, daripada 12 domain yang diukur, sebanyak enam domain menunjukkan peningkatan nilai skor berbanding tahun sebelumnya (2017) iaitu Domain Pembangunan Kendiri meningkat sebanyak 1.2 daripada 72.19 pada tahun 2017 kepada 73.39 pada tahun 2019;
- C** Dua domain menunjukkan pola peningkatan yang konsisten daripada tahun 2015 sehingga 2019 iaitu Domain Pendidikan dan Bebas Tingkahlaku Devian;
- D** Terdapat enam domain menunjukkan pola penurunan berbanding tahun 2017, iaitu Domain Hubungan Sosial menurun sebanyak 0.49 diikuti dengan Domain Identiti menurun sebanyak 0.85; Domain Potensi Diri menurun sebanyak 3.01; Domain Penggunaan Media menurun sebanyak 2.95; Domain Sosialisasi Politik menurun sebanyak 21.04; dan Domain Aktiviti Waktu Senggang menurun sebanyak 8.04; dan
- E** Secara keseluruhan, tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia masih berada di tahap sederhana, walaupun skor menunjukkan pola penurunan pada tahun 2019 berbanding pada tahun 2017 dan 2016.

Outcome/Syor:

- A** Bagi meningkatkan tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia, strategi dan inisiatif secara bersepadu yang melibatkan kumpulan pelaksana serta pemegang taruh pembangunan belia amat wajar direncanakan;
- B** Strategi dan inisiatif secara bersepadu perlu diberi tumpuan kepada pencapaian dua domain terendah iaitu Sosialisasi Politik dan Kesejahteraan Ekonomi; dan
- C** Penyebarluasan dapatan kajian ini secara menyeluruh melalui pelbagai platform.

Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia 2019 (IBSM'19)

4

- **Jangka Masa Pelaksanaan:** Januari - Disember 2019
- **Responden Kajian:** Warganegara Malaysia, belia Sarawak yang berumur antara 15 – 30 tahun
- **Metodologi:** Kuantitatif: Borang soal selidik
- **Lokasi kajian:** Seluruh Malaysia

RUMUSAN / RINGKASAN

DAPATAN:

- A** Skor keseluruhan Indeks Budaya Sukan Malaysia 2019 menunjukkan peningkatan kepada 58.8 berbanding dapatan tahun 2018 iaitu 53.1, namun masih berada pada tahap Sederhana;
- B** Domain Penglibatan mencatatkan nilai skor yang paling tinggi iaitu 69.4 (Sederhana) manakala Domain Kecintaan Sukan pula memperoleh nilai skor yang paling rendah iaitu 41.1 (Rendah);

- C** Tiga lagi domain yang lain juga adalah berada pada tahap rendah iaitu Domain Fasiliti (46.9), Domain Kesukarelaan (41.8) dan Domain Perbelanjaan (41.5);
- D** Domain Penglibatan masih berada pada tahap yang sama berbanding tahun sebelumnya namun terdapat peningkatan pada nilai skor bagi IBSM'19 iaitu 69.4 berbanding 62.5 pada IBSM'18;
- E** Skor yang diperoleh bagi Domain Kecintaan sukan pada tahun 2018 adalah 42.0 manakala, tahun 2019 ialah 41.1;
- F** Skor Domain Kesukarelaan 2019 pada tahap rendah iaitu 41.8 dan meningkat sebanyak 7.6 berbanding 34.2 pada tahun 2018;
- G** Skor Domain Perbelanjaan masih berada pada tahap rendah dengan skor 41.5 dan menurun berbanding pada tahun 2018 iaitu 42.3 di tahap yang rendah; dan
- H** Skor bagi Domain Fasiliti bagi tahun 2019 (46.9) meningkat berbanding pada tahun 2018 yang mencatatkan skor 38.2.

Outcome/Syor:

- A** Kajian ini disarankan untuk dilaksanakan setiap dua tahun sekali bagi memantau pencapaian budaya sukan;
- B** Kajian komprehensif terhadap domain yang kritikal disarankan untuk dilaksanakan bagi meningkatkan pencapaian budaya sukan; dan
- C** Mengkaji impak program spesifik terhadap Domain Budaya Sukan (*action research*).

Kajian Penilaian Program Keusahawanan Belia Bestari (B-Best) Fasa II

5

- **Jangka Masa Pelaksanaan:** Ogos – Disember 2019
- **Responden Kajian:** Peserta program B-Best Zon Tengah dan Selatan
- **Metodologi:**
 - a. Kuantitatif: Borang soal selidik
 - b. Kualitatif: Protokol *Focus Group Discussion (FGD)*
- **Lokasi kajian:**
 - a. Zon Tengah (Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
 - b. Zon Selatan (Johor, Melaka dan Negeri Sembilan)

RUMUSAN / RINGKASAN

DAPATAN:

A Taburan demografi menunjukkan majoriti responden berumur 18 tahun, iaitu seramai 4 orang (28.6%), diikuti responden berumur 19 tahun (21.4%) dan berumur 16 tahun (14.3%). Seramai 11 orang (78.6%) terdiri daripada responden lelaki dan selebihnya adalah responden perempuan (21.4%). Majoriti responden adalah Melayu (85.7%) dan selebihnya adalah India (7.10%) dan Bumiputera Sabah (7.10%) serta kesemua responden adalah beragama Islam (100.0%). Dari segi tahap pendidikan tertinggi pula, majoriti responden memiliki pendidikan SPM/SPMV dan UPSR apabila masing-masing diwakili oleh 4 orang (28.6%). Seramai 10 orang responden (71.4%) dalam kajian ini tinggal di bandar dan 4 orang (28.6%) tinggal di luar bandar. Taburan mengikut institusi rujukan adalah hampir seimbang, namun responden yang mewakili Belia Bakti Anak Jati Senai adalah paling ramai, iaitu 3 orang (21.4%) manakala masing-masing diwakili oleh seorang peserta (7.10%) bagi Asrama Bahagia Kuala Lumpur Geng Gempur Senai dan persendirian.

- 
- B** Hasil kajian mendapati secara keseluruhannya berlaku peningkatan kemahiran, terutama aspek pengurusan kewangan dan kepimpinan yang mencatatkan peningkatan bagi semua item yang dikaji. Trend yang sama juga boleh dilihat dalam aspek komunikasi, kerja berpasukan dan keusahawanan.
 - C** Dapatan kualitatif dari wakil industri mencadangkan supaya tempoh latihan industri dilanjutkan bagi memberi lebih masa dan peluang kepada responden untuk mempelajari bidang yang diceburi.
 - D** Dari perspektif ibu bapa pula menyatakan terdapat perubahan sikap dalam diri responden setelah menyertai program. Responden didapati berminat untuk belajar dan rajin untuk solat. Selain itu, ibu bapa juga mencadangkan agar responden diberi kebebasan untuk memilih bidang yang ingin diceburi berbanding mengikuti bidang yang ditentukan oleh pihak penganggar atau majikan.
 - E** Sementara itu, dari perspektif responden pula menyatakan mereka dapat belajar mengenai perniagaan semasa menyertai program ini. Responden juga mencadangkan agar tempoh latihan industri dipanjangkan dan pemilihan majikan dititikberatkan dengan mengutamakan majikan yang dapat memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada responden.
 - F** Melalui latihan industri yang diikuti, responden berpeluang meningkatkan kemahiran, terutama dari segi pengurusan kewangan dan kepimpinan.

Outcome/Syor:

- A** Secara keseluruhannya, pelaksanaan program perlu diperkemaskan, terutama dari segi pemilihan peserta dan majikan.
- B** Para peserta perlu diberi pilihan untuk menyertai bidang yang diminati dan bukan menerima pekerjaan yang ditawarkan oleh majikan semata-mata. Hal ini adalah bagi memastikan objektif pelaksanaan program ini tercapai.
- C** Sebarang perubahan tarikh program perlu dimaklumkan lebih awal supaya penilaian secara menyeluruh, iaitu melibatkan semua zon dapat dijalankan.
- D** Menambahbaik komunikasi di antara pihak penganggar (Ibu pejabat) dengan negeri bagi pelaksanaan program.

Modul Profesionalisme Kerja Belia

1

- **Jangka Masa Pelaksanaan:** Januari - Disember 2019
- **Objektif:** Objektif pelaksanaan projek ini adalah untuk membangunkan modul atau Bahan Pengajaran Bertulis (WIM) Profesionalisme Kerja Belia berdasarkan kepada Kompetensi Unit yang telah dibangunkan dan mengikut standard Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

RUMUSAN / RINGKASAN

DAPATAN:

- A** Penghasilan Modul Profesionalisme Kerja Belia yang komprehensif diperlukan dalam mengiktiraf Pekerja Belia di Malaysia seterusnya mencapai matlamat yang terkandung dalam 9 bidang keutamaan Dasar Belia Malaysia dan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia.
- B** Modul Profesionalisme Kerja Belia yang dibangunkan mengandungi Bahan Pengajaran Bertulis (*Written Instructional Materials – WIM*) Pelaksanaan Kerja Belia Tahap 3, Penyelarasaran Kerja Belia Tahap 4 dan Pengurusan Kerja Belia Tahap 5. Panel penulis WIM Kerja Belia ini terdiri daripada pengamal/ pakar dalam pembangunan belia.

Kajian Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Belia dan Sukan (Fasa II)

2

- **Jangka Masa Pelaksanaan:** Januari - Disember 2019
- **Objektif:** Objektif umum kajian ini dilaksanakan adalah untuk menganalisa tugas (job analysis) dan membangunkan kriteria laluan kerjaya Skim S. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:
 - I. Meneliti semula deskripsi tugas dan spesifikasi tugas Skim Perkhidmatan Belia dan Sukan;
 - II. Membangunkan kriteria kompetensi Skim Perkhidmatan Belia dan Sukan; dan
 - III. Membangunkan laluan kerjaya Skim Perkhidmatan Belia dan Sukan.

RUMUSAN / RINGKASAN

DAPATAN:

Kajian Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Belia dan Sukan merupakan kajian kerjasama antara Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan dengan IYRES. Kajian ini dilaksanakan selaras dengan tanggungjawab Ketua Perkhidmatan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2010 iaitu merancang keperluan sumber manusia, mengurus perjawatan dan menambahbaik skim.

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk memantapkan profesion Pegawai Belia dan Sukan agar lebih kompeten selain memperkasakan lagi imej skim perkhidmatan ini agar terus kekal relevan pada masa akan datang.

Seramai 65 orang kakitangan Skim Perkhidmatan Belia dan Sukan mengikut gred perjawatan terdiri daripada empat kumpulan penjawatan iaitu:

- I. Wakil Pegurusan Tertinggi (Jusa);
- II. Pegawai Belia dan Sukan (S41-S54);
- III. Penolong Pegawai Belia dan Sukan (S29-S40); dan
- IV. Pembantu Belia dan Sukan (S19-S28).

Pemilihan informan dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Informan yang mempunyai markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang tinggi dan rendah dipilih oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KBS.

Penyelidikan yang dilaksanakan ini menggunakan data primer dan sekunder. Pengumpulan data primer dijalankan secara kualitatif iaitu menggunakan kaedah Perbincangan Kumpulan Berfokus (Focus Group Discussion - FGD) dan sesi temu bual secara mendalam (indepth interview). Manakala data sekunder diperolehi dengan menganalisa dokumen yang berkaitan seperti deskripsi tugas dan pekeliling kerajaan.

Rumusan Kajian

- I. Pembangunan laluan kerjaya memerlukan deskripsi Kerja (JD) yang jelas dan reflektif kepada fungsi sesuatu bahagian/ jabatan;
- II. Penyediaan *Succession Planning* perlu mengambil kira perancangan dan perkembangan kerjaya personel;
- III. Penyediaan garis panduan penilaian kompetensi;
- IV. Pelaksanaan Penilaian Kompetensi secara berterusan melalui pelbagai kaedah.
- V. Pembangunan kerjaya menerusi latihan dan pensijilan yang bersesuaian dan relevan dengan Skim Perkhidmatan Belia dan Sukan; dan
- VI. Menyediakan platform komunikasi bagi menggalakkan perbincangan perkembangan kerjaya personel.

Pendaftaran Harta Intelek (MyIPO)

3

- **Jangka Masa Pelaksanaan:** Oktober 2020 – Disember 2020
- **Objektif:**
 1. Mendapatkan perlindungan hak cipta bagi produk-produk IYRES yang telah dihasilkan;
 2. Menggalakkan reka cipta, kerja-kerja kreatif dan pemindahan teknologi hasil penyelidikan yang telah dijalankan; dan
 3. Mendapatkan sijil pendaftaran sah yang menjadi bukti sebagai pemilik sesuatu produk penyelidikan IYRES.

RUMUSAN / RINGKASAN

DAPATAN:

Pada tahun 2019, terdapat 11 produk IYRES iaitu 7 buah buku dan 4 instrumen kajian telah didaftarkan kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) iaitu :

Berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 30 Tahun 2009 dan Dasar Pengkormesialan Harta Intelek Hasil Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), IYRES mengambil inisiatif untuk mengkormesialkan produk inovasi yang dihasilkan menerusi penyelidikan. Sehubungan itu, setiap produk inovasi perlu mendapat perlindungan harta intelek melalui Pendaftaran Hak Cipta kepada Pihak Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Pada tahun 2019, terdapat 11 produk IYRES iaitu 7 buah buku dan 4 instrumen kajian telah didaftarkan kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) iaitu :

- *Facts and Figures Budaya Bersukan Rakyat Malaysia 2017 (BM);*
- *Facts and Figures Sport Culture of Malaysian 2017 (BI);*
- *Facts and Figures Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018 (BM);*
- *Facts and Figures Kajian Pembangunan Belia Positif (8C) di Malaysia;*
- *Facts and Figures #MYIndexbelia;*
- *Belia Ekstremis;*
- *Malaysian Journal of Youth Studies (Vol 18: 2018);*
- *Instrumen Kajian Indeks Belia Malaysia 2015;*
- *Instrumen Kajian Pembangunan Belia Positif (8C) di Malaysia;*
- *Instrumen Kajian Aset Belia Positif; dan Instrumen Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018.*

Penghasilan Poster Yinfo@grafik Hasil Penyelidikan Utama IYRES Jangka Masa Pelaksanaan:

4

- **Jangka Masa Pelaksanaan:** Februari - Disember 2019
- **Objektif:**
 1. Memudahkan pemahaman pemegang taruh dan pembuat polisi berkaitan hasil penyelidikan IYRES yang diringkaskan dalam bentuk infografik; dan
 2. Menyebarluas hasil penyelidikan IYRES kepada pemegang taruh pembangunan belia dan orang awam.

RUMUSAN / RINGKASAN

DAPATAN:

Yinfo@grafik merupakan himpunan hasil-hasil penyelidikan IYRES yang diolah dalam bentuk grafik agar lebih menarik, ringkas dan mudah difahami. Yinfo@grafik yang dihasilkan ini merupakan hasil penyelidikan utama IYRES yang telah selesai dilaksanakan.

Terdapat 2 poster kajian telah dihasilkan iaitu :

- Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018; dan
- Kajian Ke Atas Institusi Pengajian Tahfiz di Malaysia.



PENGURUSAN DATA

Profil Belia Negara (PBN)



1

■ **Jangka Masa Pelaksanaan:** Februari - Disember 2019

■ **Objektif:**

1. Memudahkan pemahaman pemegang taruh dan pembuat polisi berkaitan hasil penyelidikan IYRES yang diringkaskan dalam bentuk infografik; dan
2. Menyebarluas hasil penyelidikan IYRES kepada pemegang taruh pembangunan belia dan orang awam.
3. Menjadi platform hebahan aktiviti semasa yang dianjurkan oleh KBS serta agensi yang berkaitan.
4. Memberi peluang kepada belia untuk menyertai program-program KBS/IYRES yang berhampiran dengan mereka.

RUMUSAN / RINGKASAN

DAPATAN:

Profil Belia Negara merupakan satu sistem berpusat bagi mengumpulkan data-data berkaitan profil belia Malaysia yang berumur 15-40 tahun (merujuk kepada Akta Pembangunan Belia & Pertubuhan Belia 2017 dan didaftarkan secara sukarela).

Pengumpulan keseluruhan data profil belia pada tahun 2019 adalah sebanyak 20,765 data iaitu melebihi sasaran 20,000 data pada tahun 2019 (pencapaian 103.8%).

Sistem Ydata@IYRES



2

- **Jangka Masa Pelaksanaan:** Januari - Disember 2019
- **Objektif:**
 1. Sistem yang dibangunkan ini merupakan *one-stop-center* berhubung data-data belia untuk dicapai dan digunakan oleh pelbagai pihak sebagai sumber rujukan terutamanya dalam melaksanakan kajian-kajian dan program-program pembangunan belia.
 2. Statistik data dapat di akses dari semasa ke semasa dengan mudah dan cepat secara atas talian.
 3. Penilaian dan perancangan pembangunan belia yang lebih strategik serta mampu menyumbangkan kepada penggunaan sumber negara yang lebih berkesan.

RUMUSAN / RINGKASAN

DAPATAN:

Perkongsian data dan maklumat semasa belia yang melibatkan 15 kluster data iaitu Penduduk, Guna Tenaga, Pendidikan, Ekonomi, Sukan dan Rekreasi, Fasiliti, Kepimpinan, Sukarelawan, Kelab dan Persatuan, Kesihatan, Media dan Teknologi, Sosialisasi Politik, Pengantarabangsaan, Pembangunan Belia Positif dan Gejala Sosial. Semua pihak boleh mengakses maklumat yang disediakan secara atas talian melalui pautan www.ydata@iyres.gov.my atau membuat permohonan terus kepada pihak IYRES bagi data-data yang memerlukan analisa yang lebih terperinci.

Ydata@IYRES juga menyediakan ruang dan peluang kepada kementerian/agensi/jabatan untuk menyumbangkan data-data belia dan seterusnya diolah kepada statistik atau laporan yang mudah untuk dijana dan digunakan oleh pelbagai pihak dari semasa ke semasa.

Pada tahun 2019, sebanyak 35 data baru telah disasarkan dan berjaya dimuatnaik ke dalam sistem Ydata@IYRES (pencapaian 100%). Ini menjadikan data keseluruhan sebanyak 135 set data kumulatif yang boleh diakses melalui sistem Ydata@IYRES.

IYRES Community Enumerator (ICE)



3

■ **Jangka Masa Pelaksanaan:** Januari - Disember 2019

■ **Objektif:**

1. Membangunkan profil ICE sebagai agen penggerak penyelidikan pembangunan belia melibatkan peringkat negeri/ daerah/ parlimen seluruh Malaysia.
2. Memberi pengetahuan dan pemahaman berkaitan proses pengumpulan data penyelidikan pembangunan belia.
3. Menyebarluaskan peranan dan fungsi ICE dalam komuniti setempat.
4. Membudayakan penyelidikan dalam kalangan belia.
5. Mengiktiraf peranan enumerator dalam konteks integrity dan kualiti penyelidikan.
6. Meningkatkan pelapis penyelidik yang berkarisma dan holistik dalam penyelidikan pembangunan belia merangkumi pelbagai aspek.

RUMUSAN / RINGKASAN

DAPATAN:

IYRES Community Enumerator (ICE) merujuk kepada kumpulan belia yang terlibat dalam membantu menjalankan aktiviti penyelidikan secara empirikal di pelbagai peringkat. Peluang yang ditawarkan menerusi ICE ialah sebagai Enumerator, Pengekod Data dan *Transcriber*. Tugasan Enumerator adalah menjalankan aktiviti pengumpulan data melalui edaran instrumen kepada responden. Manakala tugasan Pengekod Data dan *Transcriber* adalah memasukkan data/maklumat yang diterima daripada bentuk *hardcopy* atau bahan rakaman ke dalam sesuatu perisian untuk

memudahkan proses analisa. Sehingga kini, IYRES telah mengumpulkan seramai 464 orang ahli ICE seluruh Malaysia meliputi 282 Enumerator dan 182 Pengekod Data yang membantu penyelidik IYRES dalam melancarkan gerak kerja penyelidikan pembangunan belia.

Pada tahun 2019, IYRES telah melaksanakan Bengkel Pemantapan ICE kepada 220 orang meliputi belia berumur 18 hingga 40 tahun. Inisiatif ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi ahli-ahli ICE yang lebih dikenali sebagai *Crew ICE*. Selain itu dengan adanya bengkel ini, para peserta dapat mengetahui dengan lebih jelas fungsi dan peranan ICE serta tatacara pengumpulan data kajian di lapangan.

Bengkel tersebut dilaksanakan sebanyak 4 zon iaitu Zon Selatan (Negeri Johor dan N.Sembilan), Zon Tengah (Negeri Selangor, W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya), Zon Pantai Timur (Negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu) dan Zon Utara (Negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis). Semasa Bengkel Pemantapan IYRES, peserta diberi pendedahan berkaitan metodologi penyelidikan, kaedah pengumpulan data, latar belakang IYRES dan ICE. Selain itu, pihak IYRES juga menyediakan satu latihan dalam kumpulan secara interaktif untuk menilai pengetahuan para peserta berkaitan penyelidikan.

Sistem e-MYInd



4

■ **Jangka Masa Pelaksanaan:** Januari- Disember 2019

■ **Objektif:**

1. Merekod dan mengemaskini maklumat program/inisiatif pembangunan belia di peringkat kementerian/agensi/NGOs
2. Menyediakan satu pangkalan data yang berpusat bagi memantau program-program pembangunan belia.
3. Mengenal pasti focus area pembangunan belia yang dilaksanakan secara merentas pelaksana serta input kepada pembentukan/penambahbaikan kepada polisi/dasar dan perancangan program pembangunan belia.
4. Melaporkan jumlah program pembangunan belia di peringkat kementerian/ agensi/NGOs yang menyumbang kepada 12 domain dalam mengukur kualiti dan kesejahteraan hidup belia.

RUMUSAN / RINGKASAN

DAPATAN:

Sistem e-MYInd merupakan satu sistem yang dibangunkan bagi merekod dan mengemaskini segala maklumat program dan inisiatif yang dilaksanakan merentas Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ NGO dan akan dijadikan input bagi memantau program-program belia sekaligus menjadi mekanisme dalam mengukur tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia di Malaysia.

Sasaran pengemaskinian dan pelaksanaan siri bengkel Sistem e-MYInd bagi tahun 2019 telah selesai dilaksanakan melalui pelaksanaan siri bengkel pemantauan dalam kalangan *focal point*.

Sistem ini telah dilancarkan pada 4 April 2019 di Everly Hotel, Putrajaya sempena pelaksanaan *Technical Working Group* (TWG) 4.0 #MYIndexbelia. Sebanyak 790 program/aktiviti telah direkodkan oleh 381 *focal point* tetap yang melibatkan wakil kementerian/agensi/jabatan/badan korporat dan badan bukan kerajaan (NGO).

Data Analitik di bawah Projek Rintis Data Raya Kementerian Belia dan Sukan (KBS)



5

- **Jangka Masa Pelaksanaan:** Jun 2019 –Jun 2020
- **Objektif:**

Pelaksanaan analitis data raya merupakan satu inisiatif yang diambil untuk membantu pihak kementerian dalam membuat keputusan berdasarkan ketersediaan data yang komprehensif. Disamping itu, melalui proses ini, input dan maklumat yang berbentuk deskriptif, diagnostik, prediktif dan preskriptif membantu untuk membuat perancangan dengan lebih pantas, tepat dan proaktif.

RUMUSAN / RINGKASAN

DAPATAN:

Pada tahun 2019, Projek Rintis Data Raya KBS telah dibangunkan dan data analitik yang difokuskan pada tahun ini melibatkan data semasa di bawah kluster belia. Pelaksanaan analistik secara terperinci bagi Domain Ekonomi telah dilaksanakan bagi mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada pencapaian domain ekonomi, pengklusteran keseluruhan kumpulan belia, cadangan penambahbaikan pencapaian Domain Ekonomi dan juga ramalan pencapaian Domain Ekonomi.

PROGRAM SOKONGAN
PENYELIDIKAN

**ROUND TABLE
DISCUSSION**

| | | |
|----------|----------------|---|
| 1 | PROGRAM | Penglibatan Belia dalam Sektor Korporat |
| | TARIKH | 14 Mac 2019 |
| | TEMPAT | Dewan Kampo, Pusat Belia Antarabangsa (IYC) |

JUMLAH PESERTA/ PENCERAMAH / AHLI PANEL

Jumlah peserta seramai 121 orang

PEMBENTANG:

- YBrs. Dr. Zainah Shariff (KPE IYRES)
- En. Junaidi Mansor (*Khazanah Research Institute*)
- En. Wan Mohd Firdaus Wan Mohd Fuaad (*Founder Young Corporate Malaysians*)
- YBhg. Datin Norliah Noah (Prasarana Malaysia Berhad)
- En. Ahmad Zakuan Dahalan (*United Nation Industrial Development Organization*)
- Cik Lim Wei Wen (*Petronas Group Strategic Communications*)

OBJEKTIF

- Mengenalpasti trend keterlibatan anak muda di pelbagai peringkat dalam sektor korporat;
- Mengenalpasti peranan dan sumbangan sektor korporat dalam menyerlahkan potensi belia;
- Mengupas strategi sektor korporat dalam memperkasakan golongan belia sebagai pelapis pengurusan tinggi;
- Membincangkan strategi pembangunan bakat dalam kalangan belia bagi meningkatkan kredibiliti untuk menerajui kepimpinan dalam sektor korporat;
- Menyediakan input kepada kerajaan bagi merangka, menentukan, menyeimbangkan dan memadankan program-program latihan, *mentoring* dan penyerlahan potensi kepimpinan belia;
- Memberi ruang dan peluang kepada peserta untuk berkongsi pandangan dan cadangan untuk meningkatkan penglibatan golongan belia dalam sektor korporat di Malaysia; dan
- Menentukan halatuju penglibatan golongan belia sebagai pembuat keputusan dalam pengurusan tinggi di sektor korporat.

RINGKASAN / RUMUSAN

Menghasilkan 11 resolusi yang diangkat untuk tindakan pihak kerajaan dan KBS

| | | |
|----------|----------------|---|
| 2 | PROGRAM | Had Umur Belia:Transisi dan Pelaksanaan |
| | TARIKH | 26 September 2019 |
| | TEMPAT | Dewan Kampo, Pusat Belia Antrabangsa (IYC) |

JUMLAH PESERTA/ PENCERAMAH / AHLI PANEL

Jumlah peserta seramai 134 orang.

PEMBENTANG:

- En. Zurihanmi Zakariya (Jabatan Belia dan Sukan Negara, KBS)
- En. Mohd Fared Mohd Khalid (MBM)
- En. Mohd Syafiq Ridzwan Jamaluddin (PETRONAS)
- En. Ravichandran Balasubramaniam (Majlis Belia Malaysia)
- En. Alex Ng Jun Fai (Young Malaysia Movement)
- Cik Nurliana Muhammad (Persatuan Tunas Usahawan Nasional)

OBJEKTIF

- Mengenalpasti pelan transisi yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam usaha merealisasikan usia belia Malaysia yang baru (15 hingga 30 tahun);
- Membincangkan takrifan berkaitan had umur belia Malaysia selepas pindaan Rang Undang-Undang Akta 668;
- Membincangkan peranan Majlis Belia Malaysia (MBM) sebagai badan induk persatuan belia di Malaysia yang disesuaikan dengan definisi umur belia yang baru;
- Membincangkan usaha-usaha yang dilakukan oleh MBM bagi proses transisi kepimpinan dalam persatuan belia;
- Mengupas hasil dapatan kajian selaras dengan pindaan had umur belia Malaysia;
- Menyediakan input kepada kerajaan bagi merangka, menentukan, menyeimbangkan dan memadankan program-program yang bersesuaian bagi merealisasikan pindaan Rang Undang-undang (RUU) Akta 668 berjaya dilaksanakan; dan
- Memberikan ruang dan peluang kepada peserta untuk berkongsi pandangan dan cadangan bagi memastikan pindaan had umur belia memberi kesan positif kepada pelbagai pihak khususnya belia di Malaysia.

RINGKASAN / RUMUSAN

Menghasilkan 11 resolusi yang diangkat untuk tindakan pihak kerajaan dan KBS

| | | |
|----------|----------------|--|
| 3 | PROGRAM | Pemerkasaan Wanita dalam Sukan Di Malaysia |
| | TARIKH | 19 November 2019 |
| | TEMPAT | Dewan Kampo, Pusat Belia Antarabangsa |

JUMLAH PESERTA/ PENCERAMAH / AHLI PANEL

Jumlah peserta seramai 257 orang

PEMBENTANG:

- YBhg. Dato' Ahmad Shapawi Ismail (Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara, MSN)
- YBrs. Dr. Vellappandian Ponnusamy (Ketua Pegawai Eksekutif, IYRES)
- En. Muraledharan Vasuthevan (Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM)
- YBhg. Datuk Nicol Ann David (Atlet Squash Malaysia)
- YBrs. Dr. Muhammad Khairul Anwar Hussin (Ketua Jabatan Pendidikan Khas)
- Cik Noor Hazwani Hazair (Atlet Kecemerlangan Universiti Malaya, UM)

OBJEKTIF

- Membincangkan kepentingan penglibatan wanita dalam memajukan industri dan persatuan sukan di Malaysia;
- Membincangkan isu-isu berkaitan psikologi dan hak wanita dalam sukan sebagaimana dilaksanakan di peringkat global;
- Mengetengahkan inisiatif yang dilakukan oleh persatuan-persatuan sukan dalam menggalakkan penglibatan wanita dalam sukan termasuk golongan wanita berkeperluan khas;
- Memberi ruang dan peluang kepada peserta untuk berkongsi pandangan dan cadangan bagi memastikan golongan wanita diberikan peluang yang sama dalam galakan dan aktiviti bersukan; dan
- Menyediakan input kepada kerajaan bagi merangka, menentukan dan menyeimbangkan polisi, program dan aktiviti yang berkaitan bagi memperkasakan wanita dalam sukan di Malaysia.

RINGKASAN / RUMUSAN

Hasil RTD telah mencadangkan 16 resolusi untuk tindakan pihak kerajaan, organisasi, institusi kekeluargaan, persatuan sukan, belia wanita dan media.

TRAVELOG ILMU

| | | |
|----------|----------------|---------------------------|
| 1 | PROGRAM | Jom Raya !!! |
| | TARIKH | 13 Mei 2019 |
| | TEMPAT | Galeri, Menara KBS |

JUMLAH PESERTA/ PENCERAMAH / AHLI PANEL

Jumlah peserta seramai 111 orang

PEMBENTANG:

- Prof. Madya Dr. Mohamad Fazli Sabri (Universiti Putra Malaysia, UPM)

OBJEKTIF

- Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran peserta berkenaan amalan berjimat cermat ketika berada dalam bulan Ramadhan dan menyambut ketibaan Syawal;
- Memupuk kesedaran dalam amalan bersederhana ketika menyambut musim perayaan; dan
- Memberi peluang kepada peserta untuk menyuarakan persoalan dan tips ketika berbelanja dalam menyambut musim perayaan.

RINGKASAN / RUMUSAN



| | | |
|----------|----------------|--|
| 2 | PROGRAM | Rasuah, Jangan Sampai Terjerat!!! |
| | TARIKH | 26 Julai 2019 |
| | TEMPAT | Galeri, Menara KBS |

JUMLAH PESERTA/ PENCERAMAH / AHLI PANEL

Jumlah peserta seramai 118 orang

PEMBENTANG:

- PKPs Muhammad Zamani Othman (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, SPRM)

OBJEKTIF

- Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran kepada peserta berkenaan kesalahan memberi atau menerima rasuah dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan belia;
- Menerangkan tindakan yang boleh dikenakan jika disabitkan dengan kesalahan memberi atau menerima rasuah; dan
- Memberi peluang kepada peserta untuk menyuarakan persoalan mengenai langkah-langkah pencegahan daripada terlibat dalam kegiatan gejala rasuah.

RINGKASAN / RUMUSAN



TECHNICAL WORKING GROUP (TWG) #MYIndexbelia 4.0

| | | |
|----------|----------------|--|
| 1 | PROGRAM | Pre TWG #MYIndexbelia 4.0 |
| | TARIKH | 28 -29 April 2019 |
| | TEMPAT | Bilik Makmal Komputer Aras 14, Menara KBS |

| | | |
|------------|----------------|--------------------------------|
| 1.1 | PROGRAM | TWG #MYIndexbelia 4.0 |
| | TARIKH | 4-5 Mei 2019 |
| | TEMPAT | Everly Hotel, Putrajaya |

JUMLAH PESERTA/ PENCERAMAH / AHLI PANEL

- Pre TWG #MYIndexbelia 4.0 - 58 orang *Focal Point* yang terdiri daripada wakil Kementerian/Jabatan/Agensi dan lain-lain
- TWG #MYIndexbelia 4.0 - 79 orang *Focal Point* yang mewakili Kementerian/Jabatan/Agensi dan lain-lain

OBJEKTIF

- Membentangkan dapatan kajian mengenai trend pengukuran pembangunan belia di Malaysia kepada Focal Point;
- Berkongsi halatuju pembangunan belia sebagai pemacu pembangunan strategik negara kepada Focal Point;
- Membentangkan pelaporan maklumat menerusi Sistem e-MYInd yang dikemaskini oleh Focal Point yang dilantik sehingga tahun 2019; dan
- Memberi penerangan bagi mengemaskini maklumat program/inisiatif kementerian dan agensi ke dalam Sistem e-MYInd.

RINGKASAN / RUMUSAN

Rumusan hasil perbincangan kumpulan melalui platform TWG #MYIndexbelia 4.0:

Pemerkasaan Anak Muda dan Memperkasa Tadbir Urus

Sasaran peningkatan skor 5 Domain (Potensi Diri, Identiti Diri, Pendidikan, Pembangunan Kendiri dan Bebas Tingkahlaku Devian) ke tahap lebih tinggi berbanding tahap sebelumnya bagi menyumbang kepada penyerahan potensi diri yang positif.

Strategi bagi mencapai sasaran:

- I. Memberi keutamaan kepada pembentukan nilai-nilai murni, amalan cara hidup sihat secara fizikal, mental, emosi, intelektual, sosial dan kerohanian.
- II. Membangunkan daya tahan dan daya saing belia.
- III. Memupuk semangat kesukarelaan dalam kalangan belia menerusi penglibatan pelbagai agensi kerajaan & swasta.
- IV. Memberi keutamaan kepada integriti dan patriotisme dalam kalangan belia.
- V. Pelaksanaan program yang lebih meluaskan melibatkan kumpulan sasaran yang tepat.
- VI. Memperkasakan intervensi kemahiran dalam kalangan belia berisiko.
- VII. Memberi panduan (*guide*) bagi peningkatan kendiri dalam kehidupan.
- VIII. Memberi nilai tambah untuk meningkatkan kebolehpasaran belia menerusi latihan dan aktiviti yang berfokus.
- IX. Mengenalpasti bakat kepimpinan muda dalam pelbagai sektor..tahap sebelumnya bagi meningkatkan pendayaupayaan belia.
- X. Memupuk penghayatan adat dan budaya dalam kalangan belia menerusi program khidmat komuniti.
- XI. Menyediakan peluang dan akses pendidikan untuk golongan minoriti.
- XII. Menggalakkan interaksi sosial yang positif dalam masyarakat menerusi pelbagai medium.

Kualiti Kesejahteraan Hidup Belia dan Memperkasa Tadbir

Sasaran peningkatan skor 6 Domain (Kesihatan, Kesejahteraan Ekonomi, Ketembusan Media, Keselamatan, Pendidikan dan Waktu Senggang) ke tahap lebih tinggi berbanding tahap sebelumnya bagi menjamin kesejahteraan hidup belia sepanjang hayat.

Strategi bagi mencapai sasaran:

- I. Mewujudkan ekosistem yang menyokong amalan bebas merokok, pemakanan secara sihat dan aktiviti fizikal bagi mencegah dan menangani obesiti serta Penyakit Tidak Berjangkit (NCD).
- II. Memperkasa anggota kesihatan dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif dan mesra pelanggan.

- III. Memperkasa sukarelawan kesihatan yang terdiri daripada individu dan komuniti bagi melaksanakan perkhidmatan pencegahan, intervensi dan kawalan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) termasuk obesiti kepada masyarakat.
- IV. Menggalakkan perkongsian ekonomi bagi menyeimbangkan penyertaan pelbagai kumpulan sasar belia.
- V. Mewujudkan persekitaran selamat dan kondusif.
- VI. Menyediakan platform bagi belia untuk terlibat dan bergiat aktif menerusi persatuan & NGO.
- VII. Mempromosikan sukan untuk semua dan mempergiatkan inisiatif ke arah negara sukan.
- VIII. Menyediakan intervensi bagi menangani belia tercicir daripada persekolahan

Penciptaan Pekerjaan dan Memperkasa Tadbir Urus

Sasaran peningkatan skor 6 Domain (Kesejahteraan Ekonomi, Pendidikan, Kesihatan, Waktu Senggang Pembangunan Kendiri dan Potensi Diri) ke tahap lebih tinggi berbanding tahap sebelumnya bagi meningkatkan pendayaupayaan belia.

Strategi bagi mencapai sasaran:

- I. Menyediakan platform penyerahan potensi kepimpinan belia.
- II. Memperkuuh kebolehan *soft skills* melalui penyediaan latihan yang berfokus.
- III. Menerapkan kemahiran keusahawanan dan pengurusan kewangan melalui kursus dan latihan.
- IV. Menyediakan latihan keusahawanan yang berfokus.
- V. Penambahbaikan kandungan program yang lebih relevan dan menepati keperluan belia.

Sukan Berprestasi Tinggi

Sasaran peningkatan skor Indeks Budaya Sukan ke tahap Tinggi dan meningkatkan peratus penglibatan rakyat Malaysia dalam aktiviti sukan kepada 70% menjelang tahun 2025.

Strategi bagi mencapai sasaran:

- I. Memberi kesedaran tentang pentingnya gaya hidup sihat dan aktif.
- II. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kecergasan, rekreasi dan sukan di pelbagai tahap.
- III. Mengamalkan dan mengaplikasikan kemahiran sukan untuk tujuan kesihatan, kecergasan dan pertandingan sukan berprestasi tinggi.
- IV. Menjadikan sukan sebagai satu gaya hidup, kerjaya dan industri ke arah pembentukan Malaysia sebagai negara sukan.
- V. Sukan adalah elemen kesejahteraan hidup.

YOUR'S19

| | | |
|----------|----------------|---|
| 1 | PROGRAM | Seminar Penyelidikan Belia Kebangsaan IYRES 2019 (YOUR'S19) – “Kesejahteraan Belia Hara-pan Masa Depan” |
| | TARIKH | 7-8 Oktober 2019 |
| | TEMPAT | International Youth Center (IYC) |

JUMLAH PESERTA/ PENCERAMAH / AHLI PANEL

Jumlah peserta seramai 188 orang yang terdiri daripada wakil Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian/Agenzi Luar, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Institusi Pengajian Awam/Swasta, ahli akademik (*Think Tank* IYRES).

OBJEKTIF


- Menyediakan platform kepada pelbagai pihak untuk membentang dan menyebarluaskan hasil kajian yang telah dilaksanakan;
- Mewujudkan ruang perkongsian idea dan medan perbincangan intelektual berkenaan isu pembangunan belia;
- Memantapkan jalinan kerjasama antara ahli akademik, penyelidik dan belia dalam bidang penyelidikan berkaitan sains sosial.
- Membantu IYRES menyebarluas input berkaitan belia dalam konteks pembangunan belia positif.
- Menjadikan IYRES sebagai pusat data atau database centre sepertimana yang dinyatakan dalam Dasar Belia Malaysia (DBM) melalui pengumpulan artikel-artikel penyelidikan yang dibentangkan dalam seminar ini.

RINGKASAN / RUMUSAN

- 31 artikel penyelidikan dibentangkan dalam YOUR'S19.
- 14 artikel bagi subtema Pembentukan Karakter Belia dalam Arus Modernisasi.
- 12 artikel bagi subtema Pendayaupayaan Belia dalam Ekonomi.
- 6 artikel bagi subtema Sosialisasi Politik Anak Muda Penentu Masa Depan Negara.
- 6 artikel bagi subtema Media Dan Masa Hadapan Belia.
- Penerima YOURS AWARD 2019 adalah Encik Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim dari *Khazanah Research Institute* (KRI) dengan artikel penyelidikan bertajuk “Peralihan dari Alam Persekolahan ke Alam Pekerjaan: Dari Perspektif Belia dan Majikan”.

Pengurusan MAKLUMAT


Portal Rasmi Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)
<http://www.iyres.gov.my>



Gambar Rajah 1: Laman Utama Sistem Portal Rasmi IYRES

Sistem Portal Rasmi Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) merupakan medium utama bagi penyampaian maklumat seperti hasil dapatan kajian, statistik dan analisa data, program-program serta penerbitan-penerbitan berkaitan pembangunan belia di Malaysia. Sistem Portal ini dapat di akses melalui capaian <http://www.iyres.gov.my>.

Pada laman utama Sistem Portal ini disediakan ruangan Pengumuman, Sisipan Berita, Kalendar Program IYRES dan Infografik yang memudahkan pengguna untuk mendapatkan maklumat semasa secara terus. Selain itu, disediakan juga capaian pantas untuk ke ruangan Soalan Lazim, Hubungi Kami, Maklum Balas dan Peta Laman di sudut atas kanan portal. Manakala, di sisi portal disediakan juga capaian pantas ke laman-laman sosial IYRES seperti Facebook (<https://www.facebook.com/iyreskbs/>), Youtube (<https://www.youtube.com/user/iyresKbsMalaysia>), Instagram (<https://www.instagram.com/iyreskbs/>) dan Twitter (<https://twitter.com/iyreskbs>).



Gambar Rajah 2: Ruangan Infografik

Permintaan kepada statistik-statistik data belia juga semakin meningkat di IYRES. Oleh yang demikian, IYRES telah menyediakan pelbagai statistik data berkaitan belia dalam bentuk infografik yang mudah untuk dibaca dan difahami. Ianya juga boleh dimuat turun untuk simpanan pengunjung portal.



Gambar Rajah 3: Ruangan Capaian ke Perkhidmatan Atas Talian IYRES

Selain itu, bagi mendapatkan lain-lain data statistik belia, pengunjung boleh mengakses ke sistem Ydata@IYRES melalui capaian <https://ydata.iyres.gov.my> yang telah disediakan pada ruangan Perkhidmatan Atas Talian. Bagi pengunjung berumur 15 hingga 40 tahun yang berminat untuk mendaftarkan diri sebagai belia di dalam pangkalan data IYRES, boleh mendaftarkan diri di dalam Sistem E-Belia (<http://ebelia.iyres.gov.my>).

Manfaat yang diperolehi antaranya adalah mendapat hebahan program atau aktiviti IYRES dan KBS secara terus melalui emel, dapat menyertai IYRES sebagai Enumerator dalam setiap kajian lapangan yang dilaksanakan dan memberi peluang menjana pendapatan sebagai Pengekod Data. Manakala bagi Sistem e-MYInd adalah bangunkan bagi tujuan pemantauan program pembangunan belia dan ianya hanya diakses oleh *Focal Point* yang telah dilantik oleh IYRES.



Gambar Rajah 4 : Koleksi Penerbitan IYRES

Selaras dengan peranan IYRES sebagai pusat penyelidikan pembangunan belia di Malaysia, maka IYRES telah menerbitkan buku-buku berdasarkan kajian-kajian yang telah dilaksanakan untuk memudahkan rujukan dibuat oleh semua pihak terutamanya pemegang taruh belia. Semua koleksi penerbitan ini boleh didapati di ruangan Penerbitan pada Laman Utama Portal IYRES.

Sistem *Online Survey* IYRES

Sistem *Online Survey* IYRES dibangunkan menggunakan perisian *Lime Survey* sejak tahun 2010. Sistem ini menjadi medium untuk mendapatkan input yang pantas daripada responden secara atas talian. Sistem ini bukan sahaja membangunkan kajian-kajian IYRES malah turut membuka peluang kepada Jabatan/ Bahagian/ Agensi yang memerlukan khidmat IYRES untuk membangunkan kajian atas talian seperti Bahagian Khidmat Pengurusan KBS dan Yayasan Pelajaran Mara (YPM). Khidmat konsultansi akan diberikan sekiranya perkhidmatan ini diperlukan oleh pihak luar. Sebarang pertanyaan boleh emelkan kepada info@iyres.gov.my.

Bagi tahun 2019, IYRES telah melaksanakan sebanyak enam survei secara atas talian seperti di bawah:

1. *Women in Sports*
2. Persepsi Gender *Mainstreaming* Dalam Kalangan Kakitangan Kementerian Belia dan Sukan
3. Kajian Penilaian Pembangunan Belia Positif 7C+1C (8C)
4. Penilaian Persepsi Masyarakat Terhadap Program Rakan Muda
5. Kajian Penilaian *Outcome Malaysia – Japan Higher Education Programme* (MJHEP) 2011 - 2017
6. Borang Penilaian Tahap Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Perkhidmatan Pendidik Taska Permata KBS



Gambar Rajah 5 : Survei Atas Talian Yang Dilaksanakan oleh IYRES pada tahun 2019

Perhubungan AWAM

| | |
|------------------|--|
| 1 Program | Kunjung Hormat daripada <i>Communications and Multimedia Forum of Malaysia</i> |
| Tarikh | 8 Januari 2019 |
| Lokasi | Bilik Mesyuarat Aras 10, Menara KBS |



| | |
|-------------------|-------------------------------------|
| 2. Program | Perhimpunan Bulanan IYRES |
| Tarikh | 23 Januari 2019 |
| Lokasi | Bilik Mesyuarat Aras 10, Menara KBS |



| | |
|-------------------|--|
| 3. Program | Pameran sempena Karnival Jom Cari Kerja dan Jom Masuk Universiti |
| Tarikh | 27 April 2019 |
| Lokasi | UiTM Selayang, Selangor |



| | |
|-------------------|-------------------------------|
| 4. Program | Travelog Ilmu Siri I Jom Raya |
| Tarikh | 31 Mei 2019 |
| Lokasi | Galeri KBS |



| | |
|-------------------|--|
| 5. Program | Penyebarluasan IYRES melalui rancangan Selamat Pagi Malaysia |
| Tarikh | 10 Ogos 2019 |
| Lokasi | Radio Televisyen Malaysia, Angkasapuri |



| | |
|-------------------|--|
| 6. Program | Kunjungan Hormat Deligasi INDONESIA ke IYRES |
| Tarikh | 17 September 2019 |
| Lokasi | Bilik Mesyuarat Aras 10, Menara KBS |



PENERBITAN

Buletin Fakta Edisi 1/2019

ISSN: 2108 – 4404

Antara artikel yang terkandung dalam Buletin Fakta ini adalah :

- 1) Budaya Sukan di Malaysia: Di Manakah kita?
- 2) Program Merentasi Agensi Pelaksana Diselaras Melalui E-MYind
- 3) Rumusan Sidang YOURS'18 : Mendepani Cabaran Agenda Sosial keArah Kesejahteraan Belia
- 4) Indeks Kualiti dan Kesejahteraan Belia Peringkat Negeri



Buletin Fakta Edisi 2/2019

ISSN: 2108 – 4404

Antara artikel yang terkandung dalam Buletin Fakta ini adalah :

- 1) Technical Working Group (TWG) #MYIndexbelia 4.0
- 2) Travelog Ilmu IYRES 2019
- 3) Persidangan Meja Bulat Belia (RTD) IYRES 2019



Buletin Fakta Edisi 3/2019

ISSN: 2108 – 4404

Antara artikel yang terkandung dalam Buletin Fakta ini adalah :

- 1) Seminar Penyelidikan Belia Kebangsaan 2019 (YOURS'19)
- 2) Pembangunan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) Kerja Belia
- 3) Merancakkan Budaya Penyelidikan Melalui IYRES *Community Enumerator* (ICE)



Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan IYRES 2018

ISSN: 1985 – 5893

Laporan ini memaparkan maklumat korporat, aktiviti / program IYRES dan takwim organisasi bagi tahun 2018. Selain itu, laporan ini turut menyediakan laporan prestasi IYRES, pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan penyata kewangan bagi tahun 2018.



Malaysian Journal of Youth Studies (MJYS) Vol 20 June 2019

Malaysian Journal of Youth Studies (MJYS) Vol 21 Dec 201

ISSN: 2180 -1649

Penerbitan jurnal ini adalah berkonsepkan penulisan artikel hasil kajian-kajian IYRES yang bertemakan isu-isu semasa khususnya dalam bidang pembangunan belia.



Malaysian Journal of Youth Studies (MJYS) **Edisi Khas YOURS'19 Vol 1**

ISSN : 2180 -1649

MJYS Edisi Khas YOURS'19 Vol 1 menerbitkan 11 artikel yang telah dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan Belia Kebangsaan 2019 (YOURS'19). Edisi ini mengenengahkan tiga tema iaitu Media dan Masa Hadapan Belia; Sosialisasi Politik Anak Muda Penentu Masa Depan Negara; dan Pendayaupayaan Belia dalam Ekonomi.



Malaysian Journal of Youth Studies (MJYS) **Edisi Khas YOURS'19 Vol 2**

ISSN : 2180 -1649


MJYS Edisi Khas YOURS'19 Vol 2 menerbitkan 10 artikel yang telah dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan Belia Kebangsaan (YOURS'19). Edisi ini mengenengahkan tema Pembentukan Karakter Belia dalam Arus Modernisasi.



The Mental Toughness : Creating A Champion Mindset

ISBN: 978 967 16147 9 2

Matlamat umum penerbitan buku ini adalah bagi membantu perkembangan mental yang diperlukan dalam sukan prestasi tinggi dan untuk memahami bagaimana kemahiran ini dapat meningkatkan ketahanan mental atlet semasa pertandingan.



IYRES Weekly Bulletin (IWB)

IWB merupakan siri infografik yang dihasilkan daripada dapatan kajian IYRES atau pun diolah daripada isu-isu semasa yang berkaitan. Siri infografik ini diterbitkan secara berkala dengan kekerapan seminggu sekali menerusi platform atas talian.



Latihan

DAN KURSUS

Kursus Pemantapan Penulisan Kertas Kerja, Artikel dan Pelaporan Kajian

18 dan 20 Februari 2019 (Isnin dan Rabu)

| | |
|----------------|---|
| Lokasi | Bilik Mesyuarat Aras 10, Menara KBS, Putrajaya |
| Jumlah peserta | 36 orang (Gred 29 ke atas) |
| Penceramah | YBrs. Prof. Madya Dr. Madeline Berma, Konsultan Bebas |

Objektif

- Meningkatkan kemahiran para penyelidik dalam penulisan laporan penyelidikan berdasarkan teknik dan pengetahuan yang baru serta lebih efektif; dan
- Membantu penyelidik meningkatkan profesionalisme dalam menghasilkan laporan penyelidikan.

RUMUSAN

Melalui pelaksanaan kursus ini, pegawai dan kakitangan telah didedahkan pengetahuan berkaitan cara dan gaya penulisan mengikut kesesuaian keperluan. Selain itu, pegawai dan kakitangan juga mendapat nilai tambah dalam meningkatkan kompetensi dan kemahiran dalam melaksanakan penyelidikan yang lebih berkualiti serta menambahbaik mutu pengurusan penyelidikan.



Kursus Pemantapan Organisasi IYRES Tahun 2019

1 hingga 3 Mac 2019 (Jumaat hingga Ahad)

| | |
|----------------|--|
| Lokasi | Radiant Retreat, Janda Baik, Pahang Darul Makmur |
| Jumlah peserta | 30 orang (Gred 11 hingga 54) |
| Fasilitator | <i>Radiant Retreat Team</i> |

Objektif

- Meningkatkan semangat kerja berpasukan dalam menjalankan tugas sehari-hari;
- Memupuk rasa kebersamaan;
- Memahami keperluan untuk berubah sebagai salah satu elemen yang penting bagi pembangunan individu dan organisasi; dan
- Mengenalpasti halangan serta cara untuk mengatasi dan meningkatkan hubungan dalam kalangan pegawai dan kakitangan.

RUMUSAN

Kursus ini telah melibatkan pegawai dan kakitangan dalam beberapa aktiviti bagi meningkatkan semangat kerja berpasukan dan bekerjasama dalam menyelesaikan sesuatu tugas yang diberikan dengan baik melibatkan nilai jati diri, kekuatan mental dan fizikal serta nilai-nilai murni yang perlu diterapkan dalam organisasi. Selain itu, kursus ini juga turut menekankan kepada pegawai dan kakitangan berhubung kesedaran dan kecintaan kepada alam sekitar dan kebersihan alam sekitar. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah *Indoor Games*, *Sungai Benus Track*, *Explore Race*, *Wildness Master Chef* dan *Fruit Feast*.



MyPortfolio Kepada Kakitangan IYRES

6 Mac 2019 (Rabu)

| | |
|-----------------------|---|
| Lokasi | Bilik Mesyuarat Aras 10, Menara KBS, Putrajaya |
| Jumlah peserta | 33 orang(Gred 11 hingga 54) |
| Penceramah | Encik Sulaiman bin Said, Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian Belia dan Sukan |

Objektif

- Dokumen rujukan rasmi yang menjadi panduan kerja bagi sesuatu jawatan dalam sesebuah organisasi; dan
- Menjadi instrumen strategik dalam bidang pengurusan dan penyelidikan menerusi elemen deskripsi tugas yang mengandungi maklumat profil bagi pembangunan organisasi dan perancangan sumber manusia.

RUMUSAN

Kursus ini merupakan keperluan setiap agensi dan kementerian selaras dengan arahan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 4 Tahun 2018 - myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam. MyPortfolio adalah satu kaedah pengurusan ilmu yang memberikan penekanan kepada pengupayaan minda setiap penjawat awam dalam kerangka organisasi berpembelajaran (learning organisation). Selain sebagai dokumen rujukan rasmi yang menghuraikan maklumat pewujudan jawatan, proses kerja dan panduan menjalankan tugas bagi jawatan tersebut dalam sesebuah organisasi juga dinyatakan dalam myPortfolio.

Sharing Session : Etika dan Integriti : Pekerjaan vs Keluarga

22 Februari 2019 (Jumaat)

Penceramah

Encik Rosli bin Daud, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KBS



Sharing Session : Mengenal Kelebihan Manusia dan Tanggungjawab sebagai Khalifah Allah

22 Mac 2019 (Jumaat)

Penceramah

Ustaz Ahmad Sharom bin Zamri,
Kementerian Pertanian Industri Dan Asas Tani (MOA)



Sharing Session : Bersama pihak SPRM : Budaya Kerja Berintegriti, Organisasi Cemerlang

10 Mei 2019 (Jumaat)

Penceramah

PKPs Hossen bin Abdul Rahim, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)



Sharing Session : Sunnah Ramadhan Yang Diabaikan

17 Mei 2019 (Jumaat)

Penceramah

Ustaz Mohamad Amiro Safwan bin Mohd Kamil,
Penceramah Bebas



Kursus Etika Imej dan Profesionalisme Penjawat Awam

19 dan 20 September 2019 (Khamis dan Jumaat)

| | |
|----------------|---|
| Lokasi | Bilik Mesyuarat Aras 10, Menara KBS, Putrajaya |
| Jumlah peserta | 35 orang (Gred 11 hingga 54) |
| Penceramah | MSQ Power Training |
| Objektif | <ul style="list-style-type: none">■ Membolehkan pegawai dan kakitangan memahami personaliti sendiri;■ Memberi kefahaman tentang konsep personaliti dan imej diri;■ Membantu pegawai dan kakitangan menguruskan imej dan juga penampilan selain menyesuaikan imej dan penampilan dengan suasana, persekitaran majlis dan juga etika;■ Menambahkan keyakinan diri melalui gaya tersendiri melalui teknik berketerampilan dan penampilan; dan■ Menyerlahkan potensi diri agar tampil lebih berkarisma dan bergaya. |

RUMUSAN

Kursus ini dilaksanakan bagi memberi kemahiran asas melibatkan beberapa etika imej dan profesional melibatkan juga diberikan panduan serta preskripsi yang spesifik dalam memantapkan ketrampilan diri dan pembentukan personaliti seperti gaya senyum, kaedah sapaan dan salam serta gaya berpakaian. Aktiviti berkumpulan turut diadakan melibatkan perbincangan dan pembentangan berhubung gaya penampilan personaliti yang sesuai. Panduan dan preskripsi yang spesifik membolehkan kemajuan kakitangan dalam meningkatkan imej dirinya.



Kursus Microsoft Powerpoint & Microsoft Excel

3 dan 4 Disember 2019 (Selasa dan Rabu)

| | |
|----------------|--|
| Lokasi | Bilik Makmal Komputer, Aras 14, Menara KBS, Putrajaya |
| Jumlah peserta | 22 orang (Gred 19 hingga 41) |
| Penceramah | Encik Mohd Ilias Mohd Shuhud, Dimension Tree Resources |
| Objektif | <ul style="list-style-type: none">■ Membuka peluang kepada pegawai dan kakitangan untuk mempelajari teknik-teknik penggunaan perisian Microsoft Power Point dan Microsoft Excel dengan lebih jelas dan terperinci berdasarkan modul-modul yang telah disediakan mengikut tahap kemahiran peserta kursus;■ Memberi pendedahan dan kemahiran dalam bidang grafik kepada pegawai dan kakitangan dalam menghasilkan slide pembentangan disamping membantu organisasi menterjemahkan maklumat dan data ke arah yang lebih informatif, kreatif dan inovatif; dan■ Membantu menterjemahkan data atau maklumat perkiraan dengan menggunakan formula yang disediakan. |

RUMUSAN

Kursus ini dilaksanakan bagi memastikan pegawai dan kakitangan dapat memanfaatkan *Microsoft Excel* dan *Powerpoint* dalam tugas-tugas harian. Penceramah telah menerangkan teknik kaedah sesuai dalam penyediaan bahan pembentangan yang lebih menarik dan kreatif menggunakan kedua-dua perisian aplikasi.



Sharing Session : Kelebihan Ex-Gratia Dalam Bencana Kerja

28 Jun 2019 (Jumaat)

| | |
|-------------------|---|
| Penceramah | Encik Sukarman Hamid, Jabatan Perkhidmatan Awam |
|-------------------|---|



Sharing Session : MyCuepacscare Kepada Kakitangan IYRES

2 Ogos 2019 (Jumaat)

| | |
|-------------------|--|
| Penceramah | Encik Ahmad bin Ramli, Wakil MyCuepacscare |
|-------------------|--|



Sharing Session : Gaya Hidup Sihat, Kecergasan dan Kesihatan

23 Ogos 2019 (Jumaat)

Penceramah

YBrs. Dr. Mohd Nuzul Zaim, Pakar Kesihatan,
Megaklinik Zahran, Bandar Baru Bangi





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
INSTITUT PENYELIDIKAN
PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 16.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan Penyata Kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



MOHD NASRI BIN MOHD NASIR
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
5 OKTOBER 2020
17 SAFAR 1442H



**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH
(AKAUN INDUK)**

Kami Datuk Dr. Marzuki Bin Mohamad dan Encik Fazrul Azlan Bin Othman yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

Bagi pihak Lembaga,

NAMA : Datuk Dr. Marzuki Bin Mohamad
GELARAN : Pengerusi Lembaga Pengarah
TARIKH : 02 OCT 2020
TEMPAT : PUTRAJAYA

NAMA : Encik Fazrul Azlan Bin Othman
GELARAN : Ahli Lembaga Pengarah
TARIKH : 02 OCT 2020
TEMPAT : PUTRAJAYA

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA**

Saya, Dr. Vellapandian Ponnusamy, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
diPUTRAJAYA.....)
pada WILAYAH PERSEKUTUAN)
..... pada 02 OCT 2020)



Di hadapan saya,



INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2019

| | Nota | 2019 (RM) | 2018 (RM) |
|---|------|-------------------|-------------------|
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| Hartanah, Loji Dan Peralatan | 4 | 215,628 | 258,555 |
| Aset Tak Ketara | | 150,000 | - |
| ASET SEMASA | | | |
| Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar | 5 | 231,882 | 193,799 |
| Simpanan Tetap | 6 | 8,000,000 | - |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | 7 | 12,686,269 | 18,712,533 |
| JUMLAH ASET | | 21,283,779 | 19,164,887 |
| DIBIAYAI OLEH: | | | |
| Lebihan Terkumpul | | 15,724,343 | 16,209,154 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | | |
| Manfaat Pekerja | 8 | 43,075 | 40,769 |
| Sumbangan Kerajaan -SAGA | | 2 | 2 |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pelbagai Pembiayaan dan Akruan | 9 | 264,637 | 11,905 |
| Akaun Khas | 10 | 3,647,061 | 1,717,794 |
| Geran Pembangunan | 11 | 1,406,734 | 1,030,888 |
| Peruntukan Cukai | 18 | 197,927 | 154,375 |
| JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI | | 21,283,779 | 19,164,887 |

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | Nota | 2019 (RM) | 2018 (RM) |
|---|------|------------------|------------------|
| Geran Kerajaan | | 2,732,000 | 2,860,000 |
| Hasil Jualan Buku | | 10,345 | 1,580 |
| Hasil Operasi | | 55,729 | 48,179 |
| Faedah Atas Pelaburan | | 231,882 | 375,573 |
| Geran Pembangunan Dilunaskan | | 824,154 | 365,895 |
| Akaun Khas Dilunaskan | | 635,733 | - |
| Pelarasan Manfaat Pekerja Terlebih Nyata | | - | 29,870 |
| JUMLAH PENDAPATAN | | 4,489,843 | 3,681,097 |
| PERBELANJAAN PENTADBIRAN | | | |
| Emolumen | | 1,727,001 | 1,681,266 |
| Perjalanan & Sara Hidup | 12 | 33,502 | 49,355 |
| Perhubungan & Utiliti | 13 | 17,833 | 15,583 |
| Sewaan | 14 | 61,329 | 88,795 |
| Bekalan Bahan Mentah | | 11,090 | 24,116 |
| Bekalan & Bahan Lain | 15 | 38,514 | 48,323 |
| Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil | 16 | 151,806 | 105,119 |
| Perkhidmatan Ikhtisas / Lain | | 214,379 | 350,154 |
| Manfaat Pekerja | 8 | 2,306 | - |
| Perbelanjaan Kajian & Program | | 1,994,682 | 819,431 |
| Perbelanjaan Program Akaun Khas | | 635,733 | - |
| Yuran Persatuan | | - | - |
| Susutnilai | | 117,923 | 107,126 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | | 5,006,098 | 3,289,268 |
| LEBIHAN/(KURANGAN) BAGI TAHUN SEMASA SEBELUM CUKAI | | | |
| | | (516,255) | 391,829 |
| Perbelanjaan Cukai | 18 | 43,552 | 154,375 |
| LEBIHAN/(KURANGAN) BERSIH BAGI TAHUN SEMASA | | (559,807) | 237,454 |

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | LEBIHAN TERKUMPUL (RM) | JUMLAH (RM) |
|---|------------------------------|----------------|
| BAKI AWAL TAHUN LEPAS | | |
| Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan Bagi Tahun Selepas Cukai | 15,971,700 | 15,971,700 |
| | 237,454 | 237,454 |
| | 16,209,154 | 16,209,154 |
| BAKI AKHIR TAHUN LEPAS | | |
| Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan Bagi Tahun Selepas Cukai | (559,807) | (559,807) |
| Pelarasan Dana Terkumpul | 74,996 | 74,996 |
| | 15,724,343 | 15,724,343 |
| BAKI AKHIR TAHUN SEMASA | | |

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR SEHINGGA 31 DISEMBER 2019

| | 2019 (RM) | 2018 (RM) |
|---|--------------------|-------------------|
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI | | |
| Tambahan/(Kurangan) Pendapatan Sebelum Cukai | (516,255) | 391,829 |
| PELARASAN UNTUK : | | |
| Susutnilai Harta Tetap | 117,923 | 107,126 |
| Manfaat Pekerja | 2,306 | (29,870) |
| Faedah Diterima | (231,882) | (375,573) |
| Geran Pembangunan Dilunaskan | (824,154) | (365,895) |
| KURANGAN PENDAPATAN SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA | <u>(1,452,062)</u> | <u>(272,383)</u> |
| Perubahan Dalam Modal Kerja : | | |
| Kurangan Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar | (38,083) | 20,717 |
| Tambahan Pelbagai Pembiutang dan Akruan | 2,181,999 | 657,710 |
| Wang Tunai Bersih Dari Aktiviti Operasi | <u>691,854</u> | <u>406,044</u> |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN | | |
| Pembelian Hartanah, Loji & Peralatan | - | (120,361) |
| Pembelian Aset Tak Ketara | (150,000) | - |
| Pengeluaran Simpanan Tetap | (8,000,000) | 13,000,000 |
| Faedah Simpanan Tetap | 231,882 | 375,573 |
| Wang Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan | <u>(7,918,118)</u> | <u>13,255,212</u> |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN | | |
| Penambahan Geran Pembangunan | <u>1,200,000</u> | <u>600,000</u> |
| Wang Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan | <u>1,200,000</u> | <u>600,000</u> |
| Pertambahan Bersih Tunai & Kesetaraan Tunai Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun | (6,026,264) | 14,261,256 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun | <u>18,712,533</u> | <u>4,451,277</u> |
| | <u>12,686,269</u> | <u>18,712,533</u> |

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

1. Penubuhan Dan Kegiatan Utama Maklumat Am

1.1 Penubuhan

Kumpulan Wang Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia telah ditubuhkan di bawah Perenggan 72(1) Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 dan Undang – Undang Malaysia (Akta 668) berkuatkuasa pada 26 Julai 2007.

1.2 Kegiatan Utama

Kegiatan utama Kumpulan Wang Institut adalah menguruskan sumber kewangan yang diterima daripada peruntukan oleh Parlimen, geran penyelidikan daripada Menteri, pemberian wang oleh Institut, pendapatan daripada pelaburan dan lain-lain aktiviti seperti aktiviti jualan, pelupusan, pemajakan, penyewaan dan sebagainya.

Tiada perubahan penting dalam kegiatan utama Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia dalam tahun kewangan semasa.

1.3 Mata Wang Fungsian dan Persembahan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Institut.

1.4 Tarikh Penyata Kewangan Diluluskan

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah dibentangkan dan diluluskan secara edaran oleh Ahli Lembaga Pengarah pada 2 Oktober 2020.

2. Asas Penyediaan

Penyata kewangan telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Laporan bagi Entiti Persendirian (MPERS) di Malaysia dan di bawah Perenggan 77(3) Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 dan Undang-Undang Malaysia (Akta 668)

3. Dasar Perakaunan Penting

3.1 Asas Perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya.

3. Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

3.2 Hartanah, Loji Dan Peralatan

Hartanah, Logi dan Peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000 dan ke atas. Hartanah, Loji dan Peralatan yang digunakan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul (jika ada).

3.3 Susutnilai

Susutnilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan hartaanah, loji & peralatan berkenaan pada kadar susutnilai tahunan seperti berikut :

| | |
|---------------------------|-----|
| Kenderaan | 20% |
| Kelengkapan dan kelekapan | 10% |
| Komputer dan perisian | 40% |
| Peralatan pejabat | 10% |

3.4 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, nilai bawaan aset disemak semula bagi menentukan sama ada terdapat sebarang tanda-tanda kemerosotan nilai. Sekiranya wujud tanda-tanda tersebut, kemerosotan nilai aset akan diukur dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan nilai yang boleh diperolehi semula. Nilai boleh diperolehi semula dianggar bagi setiap aset atau jika tidak boleh, bagi unit penghasilan tunai.

Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan komprehensif dengan serta merta kecuali aset tersebut dinyatakan pada nilai penilaian. Sebarang kerugian kemerosotan dianggap sebagai kurangan penilaian hingga ke tahap lebihan penilaian yang diiktiraf terdahulu bagi aset tersebut.

Peningkatan nilai berikutnya dalam jumlah boleh diperolehi semula aset dianggap sebagai penerbalikan kemerosotan terdahulu dan diiktirafkan sehingga tahap nilai simpanan aset akan ditentukan (bersih daripada pelunasan dan susutnilai) sekiranya tidak ada kerugian kemerosotan telah diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan komprehensif dengan serta-merta kecuali aset tersebut dinyatakan pada nilai penilaian. Jika penilaian susutnilai pada aset tersebut telah diiktiraf sebagai belanja dalam penyata pendapatan komprehensif sebelum ini, penerbalikan itu diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan komprehensif sehingga tahap yang diiktiraf sebagai belanja sebelum ini.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

3. Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

3.5 Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai adalah tunai di bank, Panjar Wang Runcit dan pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang tiga bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

3.6 Simpanan tetap

Simpanan tetap dinyatakan pada kos berdasarkan nilai yang disimpan dalam jangkamasa yang ditetapkan yang mempunyai tempoh matang melebihi 3 bulan.

3.7 Pengiktirafan Pendapatan

- a) Faedah daripada simpanan tetap diiktiraf mengikut asas akruan.
- b) Keuntungan daripada perkhidmatan kajian diiktiraf di dalam penyata kewangan berdasarkan asas tunai.

3.8 Manfaat Pekerja / Faedah Persaraan Kakitangan

Pelan Gantian Cuti Rehat (GCR)

Gantian Cuti Rehat diperuntukkan bagi tempoh masa setahun. Peruntukan bagi Gantian Cuti Rehat dibuat berdasarkan 1/30 dari gaji terakhir pegawai termasuk elauan ketika bersara beserta jumlah cuti rehat terkumpul sepanjang tempoh perkhidmatan di organisasi.

3.9 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Institut mempunyai obligasi semasa hasil daripada peristiwa lampau dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Peruntukan diiktiraf berdasarkan anggaran yang munasabah boleh dibuat.

3.10 Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak mengenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan tertentu diiktiraf sebagai pendapatan apabila penerimaanya dapat dipastikan.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

3. Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

3.10 Geran Kerajaan (sambungan)

Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai Geran Tertunda dan dilunaskan ke Penyata Pendapatan Komprehensif apabila syarat prestasi dipenuhi.

3.11 Cukai

Cukai pendapatan di dalam penyata kewangan adalah merupakan cukai yang perlu dibayar ke atas pendapatan-pendapatan pasif Institut seperti keuntungan pelaburan yang dikira mengikut kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Perbelanjaan cukai semasa adalah cukai yang dijangkakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun semasa, dengan menggunakan kadar cukai yang diwartakan atau sebahagian besarnya diwartakan pada Tarikh penyata kedudukan kewangan, dan sebarang perubahan pada bayaran cukai untuk tahun terdahulu.

3.12 Aset Kewangan

Aset Kewangan diiktiraf dalam penyata kewangan apabila Institut menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

(i) Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbang kepada pengaturan.

(ii) Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrument hutang pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrument ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

(iii) Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir tempoh pelaporan, Institut menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosotnilai.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

3. Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

3.13 Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Institut akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dorosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- i) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- ii) Pembayaran tertunggak;
- iii) Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
- iv) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

3.14 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Institut menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liability kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

Institut hanya mempunyai kategori liability kewangan seperti berikut :

Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah ukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesanan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liability kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskau anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liability kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liability kewangan tersebut.

Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liability kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahikirafan.

3. Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

3.15 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Institut berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan penyata kewangan selain yang dinyatakan di bawah:

Pengukuran peruntukan

Institut sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

Penentuan kerugian rosot nilai aset kewangan

Institut mengiktiraf kerugian rosot nilai bagi aset-aset kewangannya dengan menggunakan model kerugian yang telah berlaku (*incurred loss model*). Mana-mana siberhutang yang lain pula akan disemak secara berkumpulan mengikut risiko kredit dengan menggunakan pengalaman yang lepas, hutang yang telah melangkaui tempoh dan keadaan ekonomi semasa.

Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan

Sesuatu kos harta tanah, loji dan peralatan akan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus. Anggaran akan digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat berguna dan nulai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi sesuatu harta tanah, loji dan peralatan itumungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh memberi kesan kepada keuntungan atau kerugian apabila aset-aset tersebut dijual atau dilupus.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

4. Hartanah, Loji & Peralatan

| | Kenderaan (RM) | Kelengkapan dan Kelebihan (RM) | Peralatan Pejabat (RM) | Komputer dan Perisian (RM) | Jumlah (RM) |
|-----------------------------|-------------------|-----------------------------------|---------------------------|-------------------------------|------------------|
| Kos | | | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | 540,504 | 115,541 | 78,342 | 647,334 | 1,381,721 |
| Tambahan | - | - | 1,980 | 118,382 | 120,362 |
| Pelupusan | - | - | - | (2,164) | (2,164) |
| Pada 31 Disember 2018 | 540,504 | 115,541 | 80,322 | 763,552 | 1,499,919 |
| Pada 1 Januari 2019 | 540,504 | 115,541 | 80,322 | 763,552 | 1,499,919 |
| Tambahan | - | 60,000 | - | 14,996 | 74,996 |
| Pelupusan | - | - | - | - | - |
| Pelarasian | - | 12,966 | (12,966) | - | - |
| Pada 31 Disember 2019 | 540,504 | 188,507 | 67,356 | 778,548 | 1,574,915 |
| Susutnilai Terkumpul | | | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | 416,678 | 59,605 | 32,933 | 627,185 | 1,136,401 |
| Susutnilai Semasa | 67,551 | 11,513 | 6,965 | 21,097 | 107,126 |
| Pelupusan | - | - | - | (2,163) | (2,163) |
| Pada 31 Disember 2018 | 484,229 | 71,118 | 39,898 | 646,119 | 1,241,364 |
| Pada 1 Januari 2019 | 484,229 | 71,118 | 39,898 | 646,119 | 1,241,364 |
| Susutnilai Semasa | 34,670 | 26,385 | 5,688 | 51,180 | 117,923 |
| Pelupusan | - | - | - | - | - |
| Pelarasian | - | - | - | - | - |
| Pada 31 Disember 2019 | 518,899 | 97,503 | 45,586 | 697,299 | 1,359,287 |
| Nilai Buku Bersih | | | | | |
| Pada 31 Disember 2018 | 56,275 | 44,423 | 40,424 | 117,433 | 258,555 |
| Pada 31 Disember 2019 | 21,605 | 91,004 | 21,770 | 81,249 | 215,628 |

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

5. Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar

| | 2019 (RM) | 2018 (RM) |
|------------------------|----------------|----------------|
| Pendahuluan Kakitangan | - | 161,799 |
| Penghutang Pelbagai | - | 32,000 |
| Faedah Terakru | <u>231,882</u> | - |
| | <u>231,882</u> | <u>193,799</u> |

6. Simpanan Tetap

| | 2019 (RM) | 2018 (RM) |
|--------------------------|------------------|--------------|
| MBSB Bank (4.25%) | 5,000,000 | - |
| CIMB Bank Berhad (4.19%) | <u>3,000,000</u> | - |
| | <u>8,000,000</u> | - |

7. Tunai dan Kesetaraan Tunai

| | 2019 (RM) | 2018 (RM) |
|---|-------------------|-------------------|
| Maybank Berhad | 12,685,516 | 18,711,740 |
| Panjar Wang Runcit | 753 | 793 |
| Simpanan Tetap (matang dibawah 3 bulan) | - | - |
| | <u>12,686,269</u> | <u>18,712,533</u> |

8. Manfaat Pekerja

| | 2019 (RM) | 2018 (RM) |
|--|---------------|---------------|
| Baki pada 1 Januari | 40,769 | 70,639 |
| Pelarasan Terlebih Nyata Tahun Terdahulu | - | (29,870) |
| Peruntukan Manfaat Pekerja | <u>2,306</u> | - |
| Baki pada 31 Disember | <u>43,075</u> | <u>40,769</u> |

9. Pelbagai Pembiayaan dan Akruan

| | 2019 (RM) | 2018 (RM) |
|----------------------|----------------|---------------|
| Perbelanjaan Terakru | 11,302 | 6,040 |
| Pembiayaan Pembekal | <u>245,777</u> | 5,265 |
| Pembiayaan Pelbagai | 7,558 | - |
| Cek Batal | - | 600 |
| | <u>264,637</u> | <u>11,905</u> |

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

10. Akaun Khas

| | 2019 (RM) | 2018 (RM) |
|----------------------------------|-------------------------|-------------------------|
| Baki pada 1 Januari | 1,717,794 | 1,055,455 |
| Tambahan : Terimaan tahun semasa | 2,565,000 | 1,738,740 |
| Tolak : Pelunasan | <u>(635,733)</u> | <u>(1,076,401)</u> |
| Baki pada 31 Disember | <u><u>3,647,061</u></u> | <u><u>1,717,794</u></u> |

Akaun Khas merujuk kepada baki pemberian yang diterima daripada organisasi/individu luar untuk digunakan sebagai belanja kajian

11. Geran Pembangunan

| | 2019 (RM) | 2018 (RM) |
|--------------------------------------|-------------------------|-------------------------|
| Baki pada 1 Januari | 1,030,888 | 796,783 |
| Tambahan : Terimaan tahun semasa | 1,200,000 | 600,000 |
| Tolak : Geran Pembangunan Dilunaskan | <u>(824,154)</u> | <u>(365,895)</u> |
| Baki pada 31 Disember | <u><u>1,406,734</u></u> | <u><u>1,030,888</u></u> |

12. Perjalanan & Sara Hidup

| | 2019 (RM) | 2018 (RM) |
|--|----------------------|----------------------|
| Bayaran Lain (Tip,Tol,Meletak Kenderaan) | - | 3,881 |
| Penginapan | - | 3,125 |
| Pengangkutan Udara | 12,701 | 35,299 |
| Tuntutan Perjalanan Dalam Negara | 18,115 | 7,050 |
| Tuntutan Perjalanan Luar Negara | <u>2,686</u> | <u>-</u> |
| | <u><u>33,502</u></u> | <u><u>49,355</u></u> |

13. Perhubungan & Utiliti

| | 2019 (RM) | 2018 (RM) |
|----------------|----------------------|----------------------|
| Bil Telefon | 1,031 | 1,616 |
| Bil Broadband | 5,780 | 6,970 |
| Pos Laju | 1,232 | 997 |
| Kad Touch & Go | 3,500 | 6,000 |
| Setem | <u>6,290</u> | <u>-</u> |
| | <u><u>17,833</u></u> | <u><u>15,583</u></u> |

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

14. Sewaan

| | 2019 (RM) | 2018 (RM) |
|-----------------------|--------------|--------------|
| Mesin Fotostat | 9,500 | 9,600 |
| Caj Bacaan Meter | 43,573 | 46,407 |
| Sewaan Hosting/Domain | 8,256 | 32,788 |
| | <hr/> 61,329 | <hr/> 88,795 |

15. Bekalan Dan Bahan Lain

| | 2019 (RM) | 2018 (RM) |
|-------------------------------------|--------------|--------------|
| Alatan Pejabat (Barang Pakai Habis) | 36,814 | 39,213 |
| Hadiyah Dan Pemberian | - | 3,200 |
| Bahan Promosi / Publisiti | - | 5,550 |
| Pakaian Rasmi Pekerja | 1,400 | 360 |
| Langganan Suratkhabar | 300 | - |
| | <hr/> 38,514 | <hr/> 48,323 |

16. Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil

| | 2019 (RM) | 2018 (RM) |
|----------------------------------|---------------|---------------|
| Penyelenggaraan Kenderaan | 47,588 | 12,524 |
| Penyelenggaraan Portal | 44,675 | 29,000 |
| Penyelenggaraan Perkakasan ICT | - | 1,616 |
| Penyelenggaraan Sistem SAGA | 59,372 | 61,979 |
| Penyelenggaraan Alat Kelengkapan | | |
| Pejabat | 171 | - |
| | <hr/> 151,806 | <hr/> 105,119 |

17. Pampasan Kepada Pegawai Pengurusan Utama

| | 2019 (RM) | 2018 (RM) |
|---------------------------------|-----------------------|-----------------------|
| Lembaga Pengarah | 58,580 | 31,300 |
| Ketua Pegawai Eksekutif | <u>127,921</u> | <u>193,891</u> |
| | <u><u>186,501</u></u> | <u><u>225,191</u></u> |
| Jumlah Pegawai Pengurusan Utama | 10 orang | 10 orang |

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

18. Perbelanjaan Cukai

| | 2019 (RM) | 2018 (RM) |
|---|----------------------|-----------------------|
| Perbelanjaan Cukai | | |
| Cukai Tahun Semasa | 43,552 | 77,665 |
| Cukai tahun sebelum yang belum direkodkan | <u>-</u> | 76,710 |
| | <u><u>43,552</u></u> | <u><u>154,375</u></u> |
| Penyesuaian Kadar Cukai Efektif | (RM) | |
| Faedah Simpanan Tetap tahun 2019 | 231,882 | |
| Cukai bagi RM100,000 pertama | 11,900 | |
| Cukai bagi RM131,882 x 24% | <u>31,652</u> | |
| | <u><u>43,552</u></u> | |

Rayuan permohonan pengecualian cukai pendapatan telah dikemukakan kepada Setiausaha Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan Malaysia pada 23 Julai 2019, namun keputusan mengenai pengecualian tersebut masih dalam pertimbangan.

19. Komitmen Modal

| | 2019 (RM) | 2018 (RM) |
|-----------------------------|----------------------|-----------------|
| Diluluskan dan dikontrakkan | <u>50,000</u> | <u>-</u> |
| | <u><u>50,000</u></u> | <u><u>-</u></u> |

Penglibatan modal adalah untuk perolehan perkhidmatan pembelian lesen Framework Falcon dan pembangunan Sistem Pemantauan Projek i-Monitor Kementerian Belia dan Sukan

20. Angka-angka Perbandingan

Beberapa angka-angka perbandingan telah dibuat pelarasan/ pengkelasan yang mana perlu supaya boleh disesuaikan dengan persembahan angka tahun semasa

| | 2018 Sebelum dinyatakan semula (RM) | Pengkelasan/ Pelarasan (RM) | 2018 Selepas dinyatakan semula (RM) |
|--|---|-----------------------------------|--|
| Penyata Kedudukan Kewangan | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 1,499,919 | 74,996 | 1,574,915 |
| Susut nilai terlebih peruntukan pada tahun lepas | <u>1,241,364</u> | <u>(3,548)</u> | <u>1,237,816</u> |

21. Perkara Penting Yang Berlaku Selepas Tempoh Pelaporan

Pada 16 Mac 2020 yang lalu, Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula daripada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Tempoh PKP ini kemudiannya telah dianjurkan sehingga 12 Mei 2020. Sepanjang tempoh PKP ini, IYRES telah menutup premisnya bagi segala urusan dengan orang awam. Semua urusan hanya dilakukan dalam talian sahaja. PKP ini telah memberi kesan aliran tunai kepada IYRES seperti berikut:

a) Mesyuarat / perbincangan / sindikasi / bengkel dan Technical Working Group (TWG) bagi Kajian Indeks Belia Malaysia 2020 dan Kajian Ketidakupayaan Belia Bersaing Dalam Sektor Ekonomi tidak dapat dilaksanakan kerana melibatkan perhimpunan ramai serta Pakar-pakar Rujuk kajian memohon perbincangan dijalankan secara bersemuka (selepas tamat PKP).

b) Pelaksanaan kerja lapangan ditangguhkan kerana melibatkan pergerakan rentas negeri bagi tujuan:

I) Sesi taklimat / Training of Trainers (TOT);

II) Pengumpulan data rumah ke rumah mengikut Blok Penghitungan yang melibatkan seramai 29,000 responden bagi Kajian Indeks Belia Malaysia 2020; dan

III) Pengumpulan data bagi Kajian Ketidakupayaan Belia Bersaing Dalam Sektor Ekonomi yang melibatkan seramai 7,000 responden seluruh Malaysia.

Perkara ini telah menyebabkan Geran Pembagunan Kerajaan yang diterima sebanyak RM1.75 juta bagi Kajian Indeks Belia Malaysia 2020 dan RM300,000 bagi Kajian Ketidakupayaan Belia Bersaing Dalam Sektor Ekonomi tidak dapat dibelanja mengikut jadual ditetapkan dan memberi kesan kepada prestasi permohonan dan kelulusan pelaksanaan penyelidikan.

Walau bagaimanapun, tiada pelarasan yang dibuat ke atas aset dan liabiliti IYRES pada tarikh pelaporan disebabkan oleh kesan PKP kerana PKP yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah untuk membendung wabak tersebut. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa PKP ini tidak memberikan bukti keadaan yang wujud pada akhir tempoh pelaporan dan ia dinilai sebagai peristiwa yang tidak perlu dilaraskan (*non-adjusting events*).

